

**REGULATORY IMPACT STATEMENT BAGI  
CADANGAN PINDAAN AKTA KOPERASI 1993 [AKTA 502]**

---

**1.0 PENGENALAN**

1.1 Koperasi merupakan suatu entiti sosioekonomi yang ditubuhkan berlandaskan kepada tujuh (7) prinsip koperasi yang memberi fokus kepada kesejahteraan anggota koperasi melalui penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh koperasi. Sehubungan itu, matlamat utama gerakan koperasi di Malaysia pada peringkat awal adalah untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat di bandar dan luar bandar. Bagi memantau perkembangan koperasi secara lebih tersusun, Enakmen Koperasi 1922 telah dibangunkan untuk mendaftar dan membatalkan koperasi.

1.2 Selaras dengan kepentingan koperasi dalam pembangunan ekonomi negara, perundangan koperasi telah dipinda beberapa kali bagi memenuhi keperluan semasa dan menjadikan koperasi sentiasa kekal relevan. Pindaan yang berlaku setelah Enakmen Koperasi 1922 adalah seperti berikut :

- (a) Ordinan Koperasi 1948;
- (b) Akta Koperasi 1948;
- (c) Akta Koperasi (Pindaan) 1983;
- (d) Akta Koperasi 1993;
- (e) Akta Koperasi (Pindaan) 1995;
- (f) Akta Koperasi (Pindaan) 1996;
- (g) Akta Koperasi (Pindaan) 2001; dan
- (h) Akta Koperasi (Pindaan) 2007.

- 1.3 Akta Koperasi 1993 [Akta 502] adalah bertujuan untuk membuat peruntukan bagi:
- (a) penubuhan dan pendaftaran koperasi;
  - (b) pengawalan dan pengawalseliaan koperasi; dan
  - (c) menggalakkan perkembangan koperasi mengikut nilai-nilai kejujuran, kebolehpercayaan dan ketelusan,
- bagi menyumbang ke arah mencapai objektif sosioekonomi negara dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- 1.4 Pada tahun 2008, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) ditubuhkan sebagai badan berkanun di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665] yang diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi mengawal selia koperasi berlandaskan Akta 502 dan undang-undang lain yang berkaitan. Suruhanjaya dipertanggungjawabkan untuk mengukuhkan sektor koperasi supaya ianya boleh memberi sumbangan yang berkesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.
- 1.5 Suruhanjaya dengan sokongan KPDNKK berhasrat untuk menyemak semula Akta 502 bagi memastikan perundangan koperasi sentiasa kekal relevan dengan perkembangan ekonomi semasa dalam dan luar negara.
- 1.6 Bagi tujuan ini, Suruhanjaya telah menyediakan *Regulatory Impact Statement* (RIS) bagi Cadangan Pindaan Akta 502 selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013 iaitu Dasar Negara Bagi Pembangunan Pelaksanaan Peraturan.

- 1.7 Analisis ke atas impak cadangan pindaan Akta 502 adalah menjurus kepada matlamat berikut:
- (a) meningkatkan daya saing dan kelestarian koperasi ke arah penciptaan kekayaan (*wealth creation*);
  - (b) mempermudah koperasi bagi menjalankan aktiviti ekonomi (*ease of doing business*);
  - (c) memantapkan tadbir urus koperasi melalui penyeliaan sendiri (*self regulatory*); dan
  - (d) memperkukuhkan koperasi melalui pengawalseliaan berkesan oleh Suruhanjaya (*effective supervision*).
- 1.8 Kajian terhadap pindaan ini melibatkan analisis kekuatan dan kelemahan, impak dan kaedah *force ranking* bagi memastikan pembangunan koperasi berjalan lancar.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH/CABARAN

### 2.1 Kurang daya saing dan kelestarian koperasi

- 2.1.1 Perangkaan menunjukkan jumlah koperasi yang dibatalkan oleh Suruhanjaya bagi tempoh 3 tahun iaitu 2014-2016 adalah seperti berikut:

TAHUN	2014	2015	2016
BIL	100	245	245

- 2.1.2 Daripada data di atas, secara puratanya sebanyak 65% koperasi yang dibatalkan hanya mampu bertahan selama 10 tahun atau kurang. Suruhanjaya telah mengenalpasti di antara faktor utama kepada kurangnya daya saing dan kelestarian koperasi adalah anggota kurang memberikan sokongan kepada

aktiviti ekonomi koperasi. Sebagai contoh, anggota tidak memenuhi sumbangan modal syer minimum seperti yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi, anggota kurang melanggan produk dan perkhidmatan koperasi serta anggota bersikap pasif dalam mengemukakan cadangan bagi kemajuan koperasi semasa mesyuarat agung tahunan. Selain daripada faktor kurang sokongan anggota, faktor lain yang menyumbang kepada pembatalan pendaftaran koperasi adalah penubuhan koperasi tidak selaras dengan matlamat penubuhan iaitu untuk memenuhi keperluan bersama anggota dan kepentingan diri mengatasi kepentingan koperasi (*conflict of interest*). Selain itu, faktor kekurangan modal, anggota Lembaga koperasi yang tidak kompeten juga menyebabkan koperasi kurang berdaya saing dalam aktiviti ekonomi yang dijalankan.

2.1.3 Berasaskan kepada data koperasi berdaftar (13,428 koperasi) pada 31 Disember 2016, sebanyak 1,132 (8%) adalah koperasi dormant dan 1,334 (10%) adalah koperasi tidak aktif. Koperasi dormant ditakrifkan sebagai koperasi yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dan tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan dan akaunnya tidak diaudit bagi tempoh yang lebih daripada tiga tahun. Manakala koperasi tidak aktif pula adalah koperasi yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dalam tempoh tiga tahun berturut-turut tetapi masih mengadakan mesyuarat agung tahunan dan akaunnya diaudit dalam tempoh tersebut.

2.1.4 Berdasarkan Jadual 1, purata peningkatan koperasi tidak aktif dan dormant bagi tempoh tiga tahun 2014 hingga 2016 adalah 12.45 peratus setahun. Manakala purata bilangan koperasi tidak aktif dan dormant berbanding bilangan koperasi bagi tempoh tiga tahun 2014 hingga 2016 adalah 16.67 peratus.

**Jadual 1: Kedudukan koperasi tidak aktif dan dormant untuk tempoh 2014 – 2016**

PERINCIAN	2014	2015	2016	PURATA
Tidak Aktif (A)	1,121	1,166	1,334	1,207
Dorman (B)	765	806	1,132	901
Jumlah (A)+(B)=(C)	1,886	1,972	2,466	2,108
Peningkatan (%)	-	4.6	25.1	14.85
Bilangan Koperasi (D)	11,871	12,769	13,428	12,689
(C)/(D) (%)	15.9	15.4	18.4	16.57

2.1.5 Berdasarkan Jadual 2, secara purata keanggotaan koperasi tidak aktif dan dormant bagi tempoh tiga tahun 2014 hingga 2016 adalah 2.6 peratus daripada jumlah keseluruhan keanggotaan koperasi. Ini menunjukkan anggota bagi koperasi yang tidak aktif dan dormant adalah merupakan anggota pasif yang tidak memberi apa-apa sumbangan dari segi pembangunan koperasi mereka.

**Jadual 2: Jumlah keanggotaan koperasi tidak aktif dan dormant bagi tempoh 2014 – 2016**

PERINCIAN	2014	2015	2016	PURATA
Tidak Aktif (A)	128,745	120,258	111,121	
Dorman (B)	60,284	62,359	81,301	
Jumlah (A)+(B)=(C)	189,029	182,617	192,422	
Peningkatan (%)		-3.4%	5.4%	1.0%
Bilangan Anggota (D)	7,409,547	7,491,191	7,066,222	
(C)/(D) (%)	2.6%	2.4%	2.7%	2.6%

**Jadual 3: Perolehan koperasi tidak aktif dan dormant berbanding perolehan gerakan koperasi bagi tempoh 2014 – 2016 (RM juta)**

PERINCIAN	2014	2015	2016
Tidak Aktif (A)	9.59	15.8	16.46
Dormant (B)	2.72	4.96	28.78
Jumlah (A)+(B)=(C)	12.31	20.76	45.24
Jumlah Perolehan (D) (RM juta)	34,950.98	33,557.89	39,664.63
(C)/(D) (%)	0.04	0.06	0.11

2.1.6 Bagi tempoh tiga tahun 2014 hingga 2016, koperasi tidak aktif dan dormant secara purata hanya menyumbang sebanyak 0.07 peratus kepada perolehan gerakan koperasi. Ini menunjukkan sumbangan perolehan koperasi tidak aktif dan dormant kepada total perolehan gerakan koperasi adalah terlalu kecil dan tidak signifikan.

## 2.2 Ketidakseimbangan perolehan koperasi

2.2.1 Bagi memudahkan penyeliaan ke atas koperasi, bermula tahun 2008 Suruhanjaya telah mengkategorikan koperasi mengikut empat kluster mengikut jumlah perolehan tahunan yang dijana, hasil daripada aktiviti perniagaan. Kluster tersebut adalah seperti berikut:

KLUSTER	KETERANGAN
Besar	Jumlah perolehan tahunan RM5 juta dan ke atas
Sederhana	Jumlah perolehan tahunan RM1 juta hingga kurang RM5 juta
Kecil	Jumlah perolehan tahunan dari RM200,000 hingga kurang RM1 juta
Mikro	Jumlah perolehan tahunan kurang RM200,000

**Jadual 4: Data gerakan koperasi mengikut kluster sehingga 31 Disember 2016**

PERINCIAN	KLUSTER			
	BESAR	SEDERHANA	KECIL	MIKRO
<b>Bilangan Koperasi</b>	258	571	1,407	11,192
<b>Anggota</b>	2,986,286	824,449	1,048,674	2,206,813
<b>Syer/Yuran (RM juta)</b>	12,181.89	1,144.40	323.31	342.24
<b>Aset (RM juta)</b>	125,341.71	2,991.83	1,247.40	1,159.74
<b>Perolehan (RM juta)</b>	37,550.56	1,260.36	570.32	283.39

2.2.2 Perangkaan pada 31 Disember 2016 menunjukkan bilangan koperasi di Malaysia adalah sebanyak 13,428 koperasi. Daripada bilangan ini, 80% koperasi berada dalam kluster sederhana, kecil dan mikro manakala hanya 20% termasuk dalam golongan kluster besar. Majoriti (80%) daripada koperasi ini iaitu sebanyak 13,170 koperasi hanya menyumbang sebanyak 5% kepada perolehan gerakan koperasi, yang berjumlah RM2.11 bilion berbanding 95% yang disumbangkan oleh koperasi kluster besar yang berjumlah RM37.6 bilion.

2.2.3 Koperasi dalam kluster sederhana, kecil dan mikro didapati mengalami kekurangan sumber dana untuk menjalankan aktiviti ekonominya sehingga boleh menyekat perkembangan koperasi dan seterusnya menjejaskan keupayaan untuk menjana perolehan yang lebih besar.

**Jadual 5: Statistik koperasi mengikut kluster dan jumlah perolehan bagi tempoh 2014 – 2016**

<b>KLUSTER</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>
Kluster Besar	186	262	258
Perolehan (RM juta)	33,074.20	31,511.63	37,550.56
Kluster Sederhana	507	557	571
Perolehan (RM juta)	1,068.21	1,224.92	1,260.36
Kluster Kecil	1,289	1,317	1,407
Perolehan (RM juta)	530.27	539.98	570.32
Kluster Mikro	9,889	10,633	11,192
Perolehan (RM juta)	278.30	281.35	283.39

2.2.4 Bilangan koperasi dalam kluster besar dan sederhana secara puratanya hanya merupakan 6% daripada bilangan koperasi di Malaysia. Namun begitu, koperasi dalam kedua-dua kluster ini menyumbang sebanyak 98% kepada jumlah keseluruhan perolehan gerakan koperasi.

2.2.5 Secara keseluruhannya koperasi dalam kluster besar dan sederhana berkeupayaan untuk menceburi pelbagai aktiviti perniagaan yang menguntungkan walaupun kadangkala lebih kompleks dan berisiko. Bagi membolehkan pengawalseliaan secara lebih berkesan dilaksanakan ke atas koperasi ini mengikut tahap kemantapan tadbir urusnya, di samping pada masa yang sama menggalakkan perkembangan perniagaannya, koperasi perlu diklasifikasikan kepada beberapa peringkat.



### 2.3 Kurangnya penglibatan profesional dalam gerakan koperasi

Jadual 6 : Koperasi dalam kalangan profesional bagi tempoh 2014 hingga 2016

Golongan Profesional	2014		2015		2016	
	Bil.Kop	Bil. Anggota	Bil.Kop	Bil. Anggota	Bil.Kop	Bil. Anggota
Doktor	1	31	6	815	7	870
Ahli Farmasi	0	0	2	20	2	20
Jurukur	2	335	2	345	2	335
Jurutera	1	50	2	100	2	100
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>416</b>	<b>12</b>	<b>1,280</b>	<b>13</b>	<b>1,325</b>

Berdasarkan kepada data di atas, golongan profesional didapati sangat kurang melibatkan diri dalam koperasi. Antara faktor yang menyumbang kepada isu ini termasuklah kesukaran mendapatkan anggota untuk berkoperasi. Sehubungan itu, bagi menggalakkan golongan ini menyertai koperasi proses pendaftaran koperasi dipermudahkan dengan mengurangkan bilangan minimum keanggotaan daripada 50 orang kepada 20 orang. Impak kepada pindaan Akta 502 akan melahirkan lebih banyak koperasi yang dianggotai oleh golongan profesional seperti akauntan, peguam, arkitek, saintis dan sebagainya.

## 2.4 Kompetensi dan kebertanggungjawaban anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pengurusan

2.4.1 Teras Strategik II DKN 2011-2020 iaitu Memantapkan Keupayaan Dan Kebolehan Koperasi telah menetapkan sebanyak 80% koperasi besar dan sederhana mempunyai **pengurusan profesional** dan mengaplikasikan teknologi moden dalam pengurusan menjelang tahun 2020. Berdasarkan kepada rekod sehingga 31 Disember 2016, hanya 16 peratus daripada koperasi kluster besar dan sederhana diuruskan oleh pekerja profesional. Ini menunjukkan bahawa pengurusan koperasi masih belum mencapai tahap profesional yang diperlukan oleh gerakan koperasi.

Sasaran pengurusan profesional sehingga 2020	80%
Purata peningkatan pencapaian tahunan disasarkan	8%
Sasaran pengurusan profesional sehingga 2016	48%
Pencapaian sebenar 2016	16%
Jurang pencapaian berbanding sasaran	32%

2.4.2 Teras Strategik III DKN 2011-2020 iaitu Mewujud Dan Meningkatkan Keupayaan Modal Insan Koperasi telah menetapkan sebanyak 100% anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) koperasi mengikuti kursus wajib berdasarkan sumber kewangan yang diperuntukkan. Berdasarkan rekod pada 31 Disember 2016, hanya 56.11% anggota Lembaga dan JAD koperasi telah menghadiri kursus wajib yang dianjurkan oleh Maktab Koperasi Malaysia. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat anggota Lembaga dan JAD koperasi yang masih belum menghadiri kursus sepertimana yang diwajibkan oleh Suruhanjaya.

Sasaran sehingga 2020	100%
Purata peningkatan pencapaian tahunan disasarkan	10%
Sasaran sehingga 2016	60%
Pencapaian sebenar 2016	56.11%
Jurang pencapaian berbanding sasaran	3.89%

## **2.5 Halangan birokrasi dalam membuat keputusan**

Dalam arus pembangunan yang mencabar, koperasi digalakkan untuk merebut peluang perniagaan yang berimpak tinggi. Walau bagaimanapun, kadang kala koperasi bersaiz besar dan mempunyai tadbir urus yang baik boleh hilang peluang perniagaan hanya disebabkan kekangan peruntukan Akta sedia ada.

Sebagai contoh, koperasi hendaklah mendapatkan kelulusan statutori terlebih dahulu mengenai penubuhan subsidiari, pembukaan cawangan, pembiayaan daripada bukan anggota dan pelaburan. Tidak dinafikan, kelewatan kelulusan ini boleh menjejaskan koperasi untuk berkembang dengan lebih pesat.

Bagi menangani isu ini, peruntukan baharu bagi membolehkan Suruhanjaya mengklasifikasikan koperasi diperkenalkan khusus bagi mendorong peningkatan bilangan koperasi yang berintegriti dan mantap dari segi tadbir urus, kewangan, likuiditi dan perolehan serta mengaplikasi teknologi untuk memudahkan urusan. Koperasi seumpama ini diberi tanggungjawab dalam membuat keputusan statutori dengan membuat penilaian dan tapisan melalui kawalan dalaman sendiri berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

**Jadual 7: Permohonan di bawah peruntukan Akta Koperasi 1993 untuk tempoh 2013 – 2016**

PERMOHONAN DI BAWAH PERUNTUKAN AKTA KOPERASI 1993	JUMLAH PERMOHONAN			
	2013	2014	2015	2016
Perenggan 50 (e) - Pinjaman daripada bukan anggota	77	103	105	83
Seksyen 19, 19(1) dan 19(2) – Pembentukan subsidiari	21	17	25	27
Seksyen 51(1) - Pembiayaan Islam	3	10	1	4
Seksyen 54, 54(2) - Pelaburan wang koperasi	21	28	36	32
Seksyen 54A : Pelaburan harta tak alih	9	6	16	15
<b>Jumlah</b>	<b>131</b>	<b>164</b>	<b>183</b>	<b>161</b>

## 2.6 Kekangan sumber manusia agensi pengawalseliaan

2.6.1 Hasil kajian yang dijalankan oleh KPMG mengenai *Study On Contribution Of Co-operatives Sector Towards The Nation's Economic Development* pada 2013-2014 menunjukkan bahawa jumlah kakitangan Suruhanjaya telah mengalami penurunan yang tidak konsisten dengan pertumbuhan bilangan koperasi yang ketara bagi tempoh 2008 hingga 2014.

**Jadual 8 : Data bilangan koperasi yang diselia oleh setiap kakitangan Suruhanjaya untuk tempoh 2008 – 2020**

<b>TAHUN</b>	<b>BIL. WARAN PERJAWATAN</b>	<b>BIL. KOPERASI</b>	<b>BIL. KOPERASI BAGI SETIAP PEGAWAI</b>	<b>PENGISIAN PERJAWATAN (%)</b>
2008	1,237	6,084	4.9	96
2009	1,237	7,215	5.8	97
2010	1,237	8,146	6.6	97
2011	1,233	9,074	7.4	97
2012	1,221	10,087	8.3	96
2013	1,220	10,914	9.0	99
2014	1,218	11,378	9.3	96
2015	1,218	12,769	10.5	91
2016	1,218	13,428	11.0	92
2017	1,218	13,900	11.4	91
2018	1,218	14,600 <sup>(*)</sup>	12.0	90
2019	1,218	15,300 <sup>(*)</sup>	12.6	-
2020	1,218	16,000 <sup>(*)</sup>	13.1	-

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, Suruhanjaya.

2.6.2 Suruhanjaya telah mengalami bilangan perjawatan yang menurun bermula tahun 2008 sehingga kini. Senario ini dijangka boleh mendatangkan masalah dari segi penyeliaan koperasi kerana kadar pertumbuhan perjawatan Suruhanjaya tidak bertambah selaras dengan peningkatan bilangan koperasi.

2.6.3 Tahun 2008 menyaksikan seorang pegawai Suruhanjaya menyelia 4.9 koperasi dan dijangka meningkat kepada 13.1 koperasi menjelang tahun 2020. Ini bermakna peningkatan penyeliaan koperasi bagi setiap

pegawai sebanyak 167% perbandingan di antara tahun 2020 dan 2008 iaitu secara puratanya 12.9% setahun.

**Jadual 9: Data penyeliaan koperasi mengikut Negeri dan jumlah staf bagi tempoh 2015 – 2017**

NEGERI	JUMLAH STAF	JUMLAH KOPERASI					
		2017	PURATA/ STAF 2017	2016	PURATA/ STAF 2016	2015	PURATA/ STAF 2015
Sarawak	114	1037	9	978	9	931	8
Sabah	125	1452	12	1374	11	1279	10
Perlis	17	208	12	198	12	191	11
Kedah	64	955	15	961	15	922	14
Negeri Sembilan	51	768	15	743	15	691	14
Pulau Pinang	42	716	17	725	17	725	17
Melaka	27	482	18	476	18	472	17
Terengganu	39	708	18	685	18	650	17
Pahang	61	1108	18	1066	17	1002	16
Perak	83	1542	19	1449	17	1352	16
Johor	73	1369	19	1324	18	1255	17
Wilayah Persekutuan	50	989	20	972	19	942	19
Kelantan	42	844	20	818	19	783	19
Selangor	69	1722	25	1659	24	1574	23
<b>Purata</b>	<b>61</b>	<b>993</b>	<b>17</b>	<b>959</b>	<b>16</b>	<b>912</b>	<b>15</b>
<b>Jumlah</b>	<b>857</b>	<b>13900</b>	<b>16</b>	<b>13428</b>	<b>16</b>	<b>12769</b>	<b>15</b>

2.6.4 Berdasarkan jadual di atas, purata bilangan penyeliaan koperasi di peringkat negeri bagi setiap staf telah meningkat daripada 15 koperasi tahun 2015 kepada 17 koperasi tahun 2017. Bagi tahun 2017, terdapat lapan (8) negeri iaitu Melaka, Terengganu,

Pahang, Perak, Johor, Wilayah Persekutuan, Kelantan dan Selangor di mana purata bilangan penyeliaan koperasi bagi setiap staf melebihi purata 17.

2.6.5 Hal ini menunjukkan pemantauan koperasi oleh staf di peringkat negeri berdepan cabaran akibat daripada kekurangan kapasiti modal insan. Sejak tahun 2008, Suruhanjaya telah mengalami bilangan perjawatan yang menurun berbanding peningkatan bilangan koperasi di mana impaknya adalah dari segi keberkesanan penyeliaan koperasi. Oleh itu, Suruhanjaya merasakan adalah tepat pada masanya cadangan pindaan Akta 502 dibuat bagi membolehkan koperasi melaksanakan pemantauan secara sendiri (*self-regulatory*).

2.6.6 Peranan koperasi yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa perlu diperkasakan untuk membantu Suruhanjaya dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan terutama dalam isu yang berkaitan dengan masyarakat umum. Badan ini akan menyelaraskan keperluan anggotanya yang terdiri daripada koperasi-koperasi khususnya dari segi pembangunan aktiviti perniagaan serta pematuhan perundangan koperasi. Kini, peranan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang diisytiharkan sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1996 akan diperkasakan agar matlamatnya tercapai.

## **2.7 Penyelarasan dengan perundangan lain yang terpakai dalam pelaksanaan aktiviti koperasi**

Koperasi dibenar untuk menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi tertakluk kepada perundangan lain dan Undang-undang Kecil Koperasi, maka terdapat keperluan untuk mengambilkira peruntukan perundangan lain

yang berkaitan dengan perniagaan koperasi, contoh adalah seperti berikut:

- (a) Bagi koperasi yang menjalankan aktiviti berlandaskan Syariah, peruntukan sedia ada ditambahbaik bagi mengambilkira Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759];
- (b) Bagi memelihara kerahsiaan, peruntukan baharu diwujudkan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]; dan
- (c) Bagi mengawal tatakelakuan perniagaan, peruntukan baharu diwujudkan selaras dengan Akta Persaingan Malaysia 2010 [Akta 712].

## 2.8 PEMBANGUNAN DAN PERUNDANGAN GERAKAN KOPERASI LUAR NEGARA

### 2.8.1 *Case Study* Kanada

Terdapat 10,000 koperasi di Kanada yang dikawalselia di peringkat Persekutuan dan kawasan. Koperasi di sini mendapatkan sumber pembiayaan luar daripada bank-bank komersial, Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Co-operatives and Mutual Canada (CMC) adalah perbadanan apeks utama, dengan perbadanan-perbadanan apex yang lain mengikut aktiviti ekonomi. Pembangunan kapasiti dijalankan oleh CMC, pusat-pusat latihan dan institusi pendidikan. Koperasi perumahan merupakan kategori besar iaitu 42% daripada jumlah keseluruhan koperasi di Kanada diikuti dengan pertanian 21% dan koperasi peruncitan 10%. Seramai 150,000 orang bekerja dengan koperasi di Kanada dengan jumlah aset sebanyak USD330 billion. Sumbangan koperasi kepada *Gross Domestic Product* (GDP) sebanyak 8.5%



### 2.8.2 **Case Study** United Kingdom (UK)

Terdapat 6,200 koperasi terdiri dalam pelbagai bentuk struktur perniagaan. Pembiayaan melalui ekuiti swasta/ syer komuniti, koperasi dan institusi kewangan bukan koperasi serta individu. Co-operatives UK adalah perbadanan apeks tunggal. Kajian ekonomi menunjukkan bagi setiap *pound* yang dibelanjakan di kedai runcit koperasi akan menghasilkan tambahan 40 *pence* kepada ekonomi tempatan. Pada masa ini, Co-operatives UK adalah perniagaan koperasi yang terbesar di United Kingdom yang dimiliki oleh lebih 6juta pengguna. Koperasi ini beroperasi di 5000 outlet runcit dengan jumlah pekerja seramai 110,000 orang dan perolehan tahunan sebanyak £13.7billion. Sumbangan gerakan koperasi kepada GDP adalah 4.2%.

### 2.8.3 **Case Study** Finland

Terdapat 4,311 koperasi yang berdaftar dengan Pendaftar Perdagangan (*Trade Register*) di bawah National Board of Patents dan pendaftaran serta pengawalseliaan di bawah Akta Koperasi 2014. Koperasi mendapatkan sumber kewangan melalui pembiayaan daripada koperasi dan bank-bank komersial. Majlis Koperasi Finnish adalah perbadanan apeks tetapi peranan pembangunan disokong oleh Pusat Pembangunan Koperasi Finnish. Pembangunan kapasiti dijalankan oleh Pellevo Institute Limited. Sumbangan gerakan koperasi kepada GDP adalah sebanyak 3.5% dengan perolehan sebanyak USD 64 billion dan 100,000 pekerja.

### 2.8.4 **Case Study** Japan

Terdapat 2,412 koperasi berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan dan pengawalseliaan berdasarkan aktiviti ekonomi. Sumber pembiayaan luar utama adalah bank koperasi. Pembangunan dan peranan pembangunan kapasiti dijalankan oleh organisasi apeks bagi aktiviti ekonomi. Sumbangan gerakan koperasi kepada GDP adalah sebanyak 1.3% dengan perolehan sebanyak USD 359 billion dan keahlian seramai 77 juta orang.

#### 2.8.5 **Case Study** New Zealand

Gerakan koperasi secara umumnya diperbadankan di bawah Co-operative Companies Act. Sumber pembiayaan melalui bank koperasi dan ekuiti swasta. Co-operative Business New Zealand (CBNZ) adalah perbadanan apeks tunggal. Pembangunan kapasiti dijalankan New Zealand Association for Co-op Education, Co-operative Business New Zealand iaitu ahli International Co-operative Alliance dan institusi-institusi pendidikan. Sumbangan gerakan koperasi kepada GDP adalah sebanyak 22% dengan perolehan sebanyak USD 30 billion dan jumlah pekerja seramai 43,000 orang.

#### 2.8.6 **Case Study** Sweden

Terdapat 9,170 koperasi yang dikawalselia oleh Swedish Co-op Societies Act. Sumber pembiayaan luar utama adalah daripada Kerajaan. Coompanion (terdiri daripada 25 agensi pembangunan koperasi) dan Pusat Koperasi Swedish adalah agensi-agensi pembangunan utama. Pembangunan kapasiti dijalankan oleh Swedish Association of Co-op Development Agencies. Sumbangan gerakan koperasi kepada GDP adalah sebanyak 4.3% dengan perolehan sebanyak USD 24 billion dan jumlah pekerja seramai 140,520 orang.

#### 2.8.7 **Case Study** Amerika Syarikat

Tedapat 29,284 koperasi yang berdaftar dengan pejabat pendaftaran entiti perniagaan negeri. Perundangan tadbir urus berbeza mengikut negeri. Sumber pembiayaan luar daripada Kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan pemegang taruh (stakeholder) sektor swasta. Pembangunan dan pembangunan kapasiti dijalankan oleh pelbagai organisasi di peringkat kebangsaan dan negeri. Sumbangan gerakan koperasi kepada GDP adalah sebanyak 4.2% dengan perolehan sebanyak USD 662 billion dan jumlah keanggotaan seramai 226 juta orang.

#### 2.8.8 Pematuhan sendiri (*self-regulation*) dalam koperasi

- A. Sekiranya *self-regulation* dibangunkan ke dalam institusi autonomi, ianya dapat memastikan hak anggota terpelihara selain membentuk keyakinan dalam meningkatkan keupayaan koperasi untuk melaksanakan kawalan sendiri. Oleh itu, *self-regulation* ialah mekanisme bagi membolehkan (*enabler*) anggota untuk mengurus dan mengawal koperasinya tanpa campur tangan pihak luar. Perundangan koperasi, peraturan dan undang-undang kecil seharusnya mewujudkan mekanisme kawalan dalaman koperasi.
- B. Resolusi *The 5<sup>th</sup> Cooperatives Ministers' Conference on "Autonomy and Independence" and "Self Regulation of Cooperatives"* menekankan kepada perkara berikut bagi memastikan autonomi dan kebebasan koperasi dalam hal pematuhan sendiri iaitu:
- (a) autonomi dan kebebasan koperasi dijamin secara perundangan dan diiktiraf;
  - (b) koperasi diberi kuasa dan dibenarkan untuk membangunkan kapasiti mereka sendiri;
  - (c) Kerajaan merangka strategi secara konsisten sebagai panduan kepada koperasi bagi melaksanakan *self regulation*.
- C. Dalam persidangan tersebut perkara berikut dicadangkan:
- (a) Koperasi haruslah menyediakan peraturan dan undang-undang mereka sendiri, yang akan menjamin akauntabiliti dan ketelusan dalam kerangka kerja perundangan. Peraturan dan undang-undang tersebut haruslah dikaji dan dikemaskini dari semasa ke semasa melalui konsultasi dengan pihak berkepentingan;

- (b) Koperasi haruslah mentakrifkan kaedah ketelusan dan akauntabiliti termasuk pelaporan, audit dan jawatankuasa kawalan. Namun, perundangan koperasi boleh menetapkan piawaian minimum bagi ketelusan dan hukuman sekiranya berlaku ketidakpatuhan. Kaedah tersebut hendaklah difahami oleh kesemua pihak berkepentingan; dan
  - (c) Perundangan koperasi haruslah menetapkan syarat pendaftaran dan pembatalan, penubuhan dan pembubaran oleh anggota koperasi dan seharusnya mentakrifkan kaedah dan mekanisme untuk menyelesaikan sebarang pertikaian.
- D. Peruntukan dalam akta koperasi beberapa negara menunjukkan langkah ke arah pembangunan autonomi dan *self-regulation* koperasi. Sebagai contohnya, Indonesia melalui Perundangan Koperasi Indonesia (Artikel 22) menganggap Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) sebagai kuasa tertinggi dalam koperasi. Tertakluk kepada kuasa yang diberikan oleh anggota, jawatankuasa pengurusan bersifat autonomi dan perundangan juga memberi kuasa kepada koperasi untuk mewujudkan mekanisme pemantauan yang akan melaporkan terus kepada MAT.
- E. Perundangan Koperasi Iran telah mencuba untuk menyediakan jaminan perundangan bagi kebebasan koperasi. Artikel 7 menyebut koperasi adalah entiti bersifat kebebasan (berdikari) yang sah. Artikel 7 juga menyebut Kerajaan boleh berkolaborasi dengan koperasi tanpa campurtangan dalam pengurusan koperasi.
- F. Perundangan Koperasi Pertanian Jepun menyediakan autonomi kepada koperasi untuk merangka sendiri perlembagaan,

pemantauan dan mekanisme audit. Hal yang sama juga dapat dilihat pada Perundangan Koperasi Korea yang membenarkan autonomi dalam koperasi pada perjalanan urusan harian. Artikel 1 menyebut tujuan perundangan koperasi adalah untuk mempromosikan koperasi yang berautonomi.

- G. Di India, amalan pelantikan proksi Kerajaan dijustifikasikan dengan huluran pihak Kerajaan dalam sumbangan modal syer kepada koperasi. Multi State Co-operative Societies Act 2002 (kawasan operasi melebihi satu negeri) memberi kuasa kepada koperasi untuk melantik juruadit mereka sendiri dan mengadakan pemilihan. Peruntukan untuk mengatasi Ahli Lembaga Koperasi juga telah dipotong. Namun, Perundangan Koperasi Thailand (Artikel 22) membenarkan Pendaftar untuk menggantung sementara Lembaga yang telah dilantik sehingga ke pemilihan Lembaga yang baharu.
- H. Perundangan Koperasi Vietnam (Artikel 30) menyebut pewujudan jawatankuasa kawalan untuk *self-regulation* koperasi. Jawatankuasa kawalan dilantik oleh mesyuarat agung ahli untuk memantau pengendali utama pejabat (pengurusan) dan jawatankuasa pengurusan. Sekiranya terdapat pelanggaran pada undang-undang kecil koperasi, resolusi mesyuarat agung dan penyalahgunaan kewangan, jawatankuasa kawalan diberi kuasa untuk memanggil mesyuarat agung untuk membincangkan isu ini dan mencadangkan tindakan pembetulan atau hukuman kepada sesiapa yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran tersebut.
- I. Perundangan Koperasi Malaysia membenarkan mesyuarat agung sebagai kuasa tertinggi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Garis Panduan dan Undang-Undang Kecil Koperasi. Selain itu, perundangan juga menyediakan pembentukan Jawatankuasa Audit Dalaman yang diberi kuasa

untuk membentangkan laporan dalam mesyuarat agung berkenaan pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk sebarang pelanggaran pada Undang-Undang Kecil Koperasi. Akta juga mewajibkan pengauditan dijalankan juruaudit yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

- J. Perundangan juga membolehkan pegawai Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menghadiri mesyuarat agung dan memberikan nasihat bersesuaian kepada anggota yang hadir mesyuarat tersebut. Peruntukan ini dilihat sebagai bertentangan dengan prinsip autonomi dan kebebasan. Peruntukan lain yang dilihat sebagai bersifat penguatkuasaan ialah Suruhanjaya boleh menggantung atau membubarkan Lembaga yang dilantik berdasarkan inkuiri dan pemeriksaan yang dijalankan. Namun, Multi State Cooperatives of India 2002 memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengatasi Lembaga yang dilantik dengan menyumbangkan modal syer sebanyak 50% atau lebih.
- K. Kebanyakan koperasi di negara Asia Pasifik menganggap peruntukan yang memberi kuasa kepada Pendaftar/Kerajaan untuk menggantung atau mengatasi Lembaga yang dilantik sebagai bertentangan dengan prinsip autonomi koperasi. Konsensus yang dicapai di kalangan koperasi adalah untuk memperkasakan keanggotaan koperasi bagi menyelesaikan masalah Lembaga/Pegawai koperasi yang bermasalah.

## **2.9 Rumusan Analisis**

Kebanyakan negara tidak mempunyai agensi pusat untuk mengawal selia dan mentadbir pendaftaran koperasi. Di sesetengah negara, koperasi dilihat hanya sebagai suatu kaedah menjalankan perniagaan dan bukannya dari sudut sesebuah entiti perniagaan.

### 3.0 OBJEKTIF

Inisiatif Suruhanjaya untuk menyemak semula Akta Koperasi 1993 adalah bagi mencapai tiga objektif utama seperti berikut:

- (a) **Menzahirkan Koperasi Yang Berkualiti, Tulen Dan *Vibrant*** untuk mencapai perolehan gerakan koperasi berjumlah RM50.0 billion menjelang 2020 selaras dengan hasrat Kerajaan yang ditetapkan melalui Dasar Koperasi Negara 2011-2020;
- (b) **Mewujudkan Konsep Pematuhan Kendiri Oleh Koperasi** dengan mensasarkan sebanyak 15% koperasi berada di dalam kluster besar dan sederhana menjelang tahun 2020 selaras dengan Dasar Koperasi Negara 2011-2020;
- (c) **Memastikan Pengawalan Dan Pengawalseliaan Dijalankan Dengan Lebih Efektif** dengan memastikan sebanyak 90% koperasi mengadakan mesyuarat agung tahunan dan mengaudit penyata kewangannya menjelang tahun 2020 selaras dengan Misi dan Visi Suruhanjaya.

### 4.0 OPSYEN

Terdapat dua opsyen yang telah dikenalpasti untuk dipertimbangkan bagi memperkemaskan perundangan koperasi seperti berikut:

#### 4.1 Opsyen 1: *Status Quo*

- 4.1.1 Sekiranya tiada pindaan Akta 502 dibuat akan memberi impak yang tidak memberangsangkan seperti kurangnya penglibatan anggota dalam gerakan koperasi, tadbir urus tidak berkesan akibat ketidakhadiran kursus wajib, kurangnya penglibatan golongan profesional dalam pengurusan koperasi dan mewujudkan persekitaran yang kurang kondusif. Koperasi tidak

berupaya untuk terus bertahan dan bersaing dalam dunia perniagaan di era globalisasi dan liberalisasi pasaran yang semakin mencabar. Koperasi yang kekurangan sumber dana akan terhalang bagi meluaskan operasi perniagaannya dalam skala besar.

4.1.2 Kompetensi anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam adalah kurang memuaskan kerana tiada usaha dan tanggungjawab mereka untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam mengurus dan mentadbir koperasi.

4.1.3 Suruhanjaya sebagai regulator juga tidak dapat merealisasikan matlamat dan hasrat untuk memperkasakan gerakan koperasi melalui penzahiran koperasi yang tulen, pengamalan pematuhan sendiri dan pengawalan dan pengawalseliaan dijalankan dengan lebih efektif.

4.1.4 Pada masa ini, ara kekangan/halangan/sekatan perundangan signifikan di mana koperasi perlu memohon kelulusan Suruhanjaya yang berkaitan dengan perniagaan koperasi adalah seperti berikut:

- (a) penubuhan subsidiari di bawah seksyen 19 termasuk pelaburan koperasi di bawah seksyen 54;
- (b) pembiayaan daripada bukan anggota di bawah an 50(e);
- (c) pembiayaan kepada koperasi lain dan subsidiari koperasi itu di bawah seksyen 51; dan
- (d) penggunaan wang berlebihan bagi tujuan pelaburan di bawah seksyen 54.

4.1.5 Penggunaan optimum sumber kewangan koperasi sama ada daripada dalaman atau luaran adalah penentu kepada penjanaaan perolehan koperasi (*turnover*).



4.1.6 Pada masa ini, koperasi adalah tidak bebas untuk menggunakan sepenuhnya sumber kewangan kerana ianya tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

4.1.7 Koperasi dijangka sukar untuk mencapai sasaran **J**perolehan atau *outcome* yang ditetapkan sekiranya Suruhanjaya tidak meluluskan permohonan kelulusan penggunaan sumber kewangan koperasi. Keadaan ini boleh menjejaskan kerancangan pertumbuhan koperasi tersebut di antaranya halangan untuk mencapai anggaran *outcome* 5.5% setahun (berdasarkan anggaran perolehan laporan KPMG Mei 2013) seperti berikut:

**Jadual 10: Jangkaan perolehan terjejas akibat karenah birokrasi berdasarkan data sebenar permohonan kelulusan oleh koperasi daripada Suruhanjaya bagi tahun 2016 (andaian permohonan tidak diluluskan)**

<b>Peruntukan Akta</b>	<b>Permohonan Kelulusan Penggunaan Sumber Kewangan (RM)</b>	<b>Jangkaan Outcome Terjejas 5.5% Setahun (RM)</b>
Seksyen 19	93,390,222	5,136,462
Seksyen 50(e)	1,465,397,600	80,596,868
Seksyen 51	45,283,801	2,490,609
Seksyen 54	167,094,047	9,190,173
<b>Jumlah</b>	<b>1,771,165,670</b>	<b>97,414,112</b>

4.1.8 Anggota memainkan peranan penting dalam kejayaan sesebuah koperasi. Berdasarkan prinsip koperasi, sumbangan anggota sama ada dalam sumber kewangan koperasi melalui modal syer, yuran, simpanan khas merupakan faktor yang terpenting dalam kejayaan sesebuah koperasi.

4.1.9 Di Malaysia, Suruhanjaya mensasarkan setiap seorang daripada 4 rakyat negara ini adalah anggota koperasi. Pada masa ini, seramai 7,066,222 rakyat Malaysia yang berumur 18

tahun ke atas bagi koperasi dewasa dan 12 tahun bagi koperasi sekolah merupakan anggota koperasi.

4.1.10 Berbanding dengan gerakan koperasi di luar negara, penglibatan rakyat di negara ini dilihat masih kurang signifikan dalam gerakan koperasi sebagai agenda pembangunan negara.

**Jadual 11: Penglibatan rakyat dalam gerakan koperasi**

<b>Bil.</b>	<b>Negara</b>	<b>Jumlah Populasi</b>	<b>Anggaran Penglibatan Populasi dalam Koperasi pada 2016</b>	<b>Penglibatan (%)</b>
1	Canada	36,813,865	12,271,288	33.33
2	Amerika Syarikat	325,788,556	81,447,139	25
3	Honduras	9,352,281	3,117,427	33.33
4	Brazil	210,198,041	5,672,000	2.7
5	Argentina	44,511,447	9,100,000	20
6	United Kingdom	66,407,480	9,600,000	14
7	Norway	5,332,995	1,777,665	33.33
8	Kenya	50,414,125	10,082,825	20
9	China	1,412,707,108	180,000,000	13
10	India	1,347,729,952	236,000,000	18
11	Malaysia	31,864,434	7,066,222	22
<b>Purata</b>				<b>21.34</b>

4.1.11 Rumusan analisa impak sekiranya Akta 502 tidak dipinda adalah jurang prestasi berkaitan keanggotaan, kursus wajib dan pengurusan profesional seperti berikut:

Indikator	KPI 2020	Sasaran KPI 2016	Pencapaian KPI 2016	Opsyen 1 : Status Quo – Jurang Prestasi (Sasaran & Pencapaian 2016)
Perolehan	RM50.0 billion	RM33.37 billion	RM39.66 billion	6.29 billion
Keanggotaan koperasi (% daripada populasi rakyat Malaysia)	25	25	22	-3%
Bilangan koperasi berdaftar	16,000	12,927	13,428	501
Kursus wajib yang dihadiri Lembaga koperasi	100%	60%	56.11%	-3.89%
Pengurusan profesional	80%	48%	16%	-32%

#### 4.2 Opsyen 2: Pindaan sebahagian Akta Koperasi 1993

4.2.1 Opsyen 2 membolehkan koperasi yang didaftarkan memenuhi keperluan bersama anggotanya dan menjadikan koperasi lebih berkualiti, tulen dan *vibrant*.

4.2.2 Perundangan yang efektif melalui piawaian pelakuan perniagaan koperasi boleh meningkatkan perlindungan pengguna dan mengurangkan birokrasi semasa koperasi menjalankan aktiviti perniagaannya. Beberapa peruntukan baharu yang dirangka untuk memudahkan perniagaan (*ease of doing business*) bagi

tujuan membantu Suruhanjaya mencapai objektif dalam meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap koperasi seperti yang digariskan dalam Teras Strategik IV, DKN 2011 – 2010.

- 4.2.3 Bagi kemudahan menjalankan perniagaan, Suruhanjaya boleh mengklasifikasikan koperasi mengikut peringkat tertentu bagi memberi peluang kepada koperasi mendapat keistimewaan daripada karenah birokrasi dan untuk memperkasakan kawalan dalamannya.
- 4.2.4 Melalui pindaan Akta ini, tanggungjawab anggota Lembaga dan anggota koperasi akan diperkasakan dalam aspek hala tuju, polisi, pengurusan, pentadbiran dan pemantauan koperasi.
- 4.2.5 Pindaan Akta yang dibuat ini telah mengambil kira perundangan bertulis lain bagi memastikan koperasi berkembang seiring dengan arus transformasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Pindaan Akta ini juga dapat menyediakan persekitaran yang kondusif melalui rangka kawalan yang minimum tapi berkesan agar matlamat koperasi tidak tersasar daripada tujuan penubuhannya.
- 4.2.6 Berdasarkan jurang prestasi pada tahun 2016, Suruhanjaya telah mengenalpasti kekangan ke atas gerakan koperasi untuk mencapai sasaran seperti yang ditetapkan dalam DKN 2011-2020 dan penyelesaian perundangan melalui pindaan Akta 502 dinyatakan seperti berikut:

Indikator	Opsyen 1: Status Quo – Jurang Prestasi (Sasaran & Pencapaian 2016)	Kekangan	Opsyen 2 : Pindaan Akta
Keanggotaan koperasi (% daripada jumlah populasi rakyat Malaysia)	-3%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurangnya penglibatan keanggotaan dalam gerakan koperasi</li> <li>• Sumber dana tidak mencukupi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permudahkan pendaftaran koperasi</li> <li>• Perlindungan pengguna</li> <li>• Debentur</li> <li>• Pengauditan</li> <li>• Syer Bonus</li> <li>• Pembatalan koperasi</li> </ul>
Kursus wajib Lembaga koperasi (% daripada jumlah Lembaga gerakan koperasi)	-3.89%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tadbir urus tidak berkesan akibat ketidak hadirannya kursus wajib</li> <li>• Kompetensi rendah di kalangan Lembaga</li> <li>• Ketidakeimbangan perolehan koperasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komposisi Lembaga</li> <li>• ALK lantikan Suruhanjaya</li> <li>• Garis Panduan</li> </ul>
Pengurusan profesional	-32%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurangnya penglibatan golongan profesional dalam pengurusan koperasi</li> <li>• Kurang daya saing dan kelestarian koperasi</li> <li>• Kompetensi rendah di kalangan Lembaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tiering</i></li> <li>• Jawatankuasa Syariah</li> <li>• Badan yang diisytiharkan oleh Menteri</li> <li>• Memperluaskan keanggotaan Bersekutu</li> <li>• Fi tahunan</li> </ul>
Lain-lain	Tidak Berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta lain merencatkan pertumbuhan prestasi koperasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketaklayakan juruaudit</li> <li>• Kerahsiaan</li> </ul>

4.2.7 Selaras dengan aspirasi DKN 2011-2020 iaitu gerakan koperasi sebagai penyumbang berkesan dalam pembangunan negara,

Suruhanjaya pada asalnya telah menetapkan sasaran perolehan yang akan disumbangkan oleh gerakan koperasi sebanyak RM114.9 billion.

4.2.8 Dalam meramalkan sumbangan gerakan koperasi berdasarkan sasaran perolehan berbanding laluan perolehan sebenar, Suruhanjaya menganggarkan perolehan yang boleh dicapai pada tahun 2020 hanyalah RM61.3 billion.

4.2.9 Berdasarkan hakikat sebenar iaitu penyumbang gerakan koperasi adalah sebenarnya daripada koperasi di bawah kluster besar yang menyumbang kepada 94% perolehan koperasi, Suruhanjaya dengan itu telah mengurangkan sasaran perolehan daripada RM61.3 billion kepada RM50.0 billion.

4.2.10 Bagi meningkatkan peranan koperasi berskala sederhana, kecil dan mikro dalam memberikan sumbangan signifikan kepada perolehan gerakan koperasi di negara ini, Suruhanjaya melalui pindaan Akta 502 telah mencadangkan penyelesaian berikut iaitu: mengklasifikas

- (a) mengklasifikasikan koperasi mengikut *tiering* bagi membolehkan koperasi menikmati keistimewaan daripada beberapa kelulusan Suruhanjaya khususnya dalam penggunaan optimum sumber kewangan koperasi sama ada dalaman atau luaran;
- (b) memperkukuhkan perniagaan koperasi melalui penggunaan sumber kewangan luaran khususnya debentur;
- (c) mempermudah permulaan perniagaan koperasi (*ease of doing business*) melalui peningkatan bilangan koperasi dengan anggota yang lebih sedikit dan memperkasa penggunaan sumber kewangan dalaman melalui pertambahan bilangan anggota selepas pendaftaran koperasi; dan

(d) mewajibkan kehadiran Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam koperasi melalui kursus yang relevan dan berterusan.

4.2.11 Opsyen 2 membolehkan koperasi yang didaftarkan melaksanakan pematuhan sendiri (*self regulation*) perundangan koperasi dan perundangan lain yang terpakai dalam perjalanan biasa perniagaan koperasi.

4.2.12 Input pihak berkepentingan iaitu koperasi telah diambil kira bagi memastikan pelaksanaan *self regulation* berjalan dengan lancar. Hasrat koperasi pada mulanya adalah supaya konsep *self regulation* dilaksanakan di peringkat mesyuarat agung tanpa perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya bagi perkara yang disifatkan operasi. Namun Suruhanjaya berpandangan bahawa *self regulation* akan dilaksanakan melalui konsep *tiering* bagi membolehkan hanya koperasi di bawah *tier 1* dan *tier 2* sahaja yang menikmati keistimewaan perundangan koperasi tertentu.

4.2.13 Pada peringkat permulaan pelaksanaan *self regulation*, Suruhanjaya menjangkakan hanya koperasi yang telah diberikan penarafan lima bintang dan empat bintang yang layak untuk dipertimbangkan penarafan di bawah *tier 1* dan *tier 2*. Namun koperasi perlu memohon untuk melalui proses *tiering* walau pun telah diberikan penarafan melalui *due diligence examination* sebelum ini.

4.2.14 Keistimewaan melalui pengecualian perundangan koperasi tertentu bukan bermakna koperasi bebas sepenuhnya untuk melanggar peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan perundangan subsidiari. Pengecualian yang diberikan adalah bagi tempoh tiga tahun di mana dalam jangkamasa ini koperasi juga perlu memberikan laporan berkala bagi membolehkan Suruhanjaya memantau dari sudut

perundangan. Sekiranya koperasi melanggar sebarang perundangan koperasi, Suruhanjaya tetap akan mengenakan kompaun maksimum bagi setiap kesalahan yang dilakukan.

4.2.15 Opsyen 2 turut memperuntukkan perundangan berkenaan pengawalan dan pengawalseliaan efektif dengan mengambilkira kekangan di pihak agensi pengawalseliaan koperasi. Selain daripada *self regulatory*, Suruhanjaya juga memperkenalkan pengawalseliaan koperasi yang diisytihar Menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

4.2.16 Pada mulanya Suruhanjaya berhasrat untuk membuka tafsiran badan yang mewakili pergerakan koperasi ini kepada pertubuhan atau persatuan. Namun hasrat ini telah dibantah oleh koperasi atas hujah perundangan yang mengatakan badan apeks tidak wajar daripada kalangan bukan koperasi seperti pertubuhan atau persatuan kerana entiti sebegini tidak menjiwai prinsip koperasi.

## **5.0 KESAN ANALISIS**

### **5.1 Ketersediaan data**

Di Malaysia, fungsi pengawalseliaan koperasi adalah dipertanggungjawabkan kepada Suruhanjaya, manakala pembangunan modal insan koperasi adalah di bawah Maktab Koperasi Malaysia. ANGKASA pula merupakan sebuah koperasi atasan yang telah diisytiharkan sebagai badan yang mewakili gerakan koperasi.

Bagi tujuan analisis ini, pengumpulan dan penyelarasan data di antara ketiga-tiga entiti tersebut merupakan batasan yang dihadapi. Data yang digunapakai bagi tujuan analisis ini hanya diperolehi daripada rekod yang diselenggara oleh Suruhanjaya.



## 5.2 Analisis Opsyen yang dicadangkan

Dengan mengambilkira pertimbangan ke atas batasan yang dinyatakan, analisis adalah secara huraian (*descriptive manner*) berdasarkan kepada data yang berada di bawah pengawalseliaan Suruhanjaya.

## 5.3 Pihak berkepentingan

Dalam membuat analisis ini, Suruhanjaya telah mengenalpasti pihak-pihak berkepentingan iaitu koperasi sebagai pemain utama dalam gerakan koperasi, Suruhanjaya sebagai agensi pengawalseliaan dan masyarakat umum.

## 5.4 Analisis impak

Analisis impak ke atas opsyen yang dinilai dibuat berdasarkan kepada dua kaedah seperti berikut:

### 5.4.1 Kaedah Kelemahan – Kekuatan

#### Opsyen 1: *Status Quo*

<b>STAKEHOLDER</b>	<b>KEKUATAN</b>	<b>KELEMAHAN</b>
Koperasi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Koperasi boleh merangka hala tuju, dasar dan pengurusan harian koperasi tanpa penglibatan badan statutori dan organisasi</li><li>• Koperasi, Lembaga, Pengurusan, anggota dan mana-mana orang yang berkaitan dengan koperasi tidak bertanggung terhadap penyebaran kerahsiaan maklumat hal</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menjejaskan pertumbuhan perolehan yang akan dijana oleh koperasi akibat ketidakupayaan koperasi mendapatkan sumber kewangan untuk aktiviti ekonominya</li><li>• Kos tindakan pembetulan dan pencegahan lebih tinggi berikutan tadbir urus koperasi yang rendah</li><li>• Kekurangan budaya dan</li></ul>

STAKEHOLDER	KEKUATAN	KELEMAHAN
	<p>ehwal koperasi dan anggota</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai yang dipecat atas perintah Suruhanjaya boleh dilantik sebagai anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa koperasi lain</li> </ul>	<p>kompetensi keusahawanan di kalangan Lembaga yang boleh meningkatkan kos menjalankan perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Conflict of interest</i> di kalangan Lembaga akibat keghairahan untuk melaksanakan pelaburan yang tidak selaras dengan keperluan sosio ekonomi anggota koperasi</li> <li>• Penubuhan koperasi tidak selaras dengan matlamat penubuhan</li> <li>• Anggota kurang memberikan sokongan kepada aktiviti ekonomi koperasi</li> </ul>
Suruhanjaya	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tindakan penguatkuasaan yang meningkat melalui bilangan kompaun, pemeriksaan dan penyiasatan</li> <li>• Kekangan tenaga kerja untuk melaksanakan penarafan koperasi melalui rangka kerja pemeriksaan usaha wajar akibat peningkatan bilangan koperasi</li> </ul>

<b>STAKEHOLDER</b>	<b>KEKUATAN</b>	<b>KELEMAHAN</b>
Masyarakat Umum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan anggota yang ramai boleh meningkatkan sumber modal dalaman bagi koperasi menjalankan aktiviti ekonominya</li> <li>• Juruaudit yang dibatalkan kelulusan untuk mengaudit akaun koperasi boleh dilantik semula sebagai juruaudit koperasi tanpa apa-apa sekatan tempoh.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesukaran untuk mendapatkan bakal anggota yang komited untuk memulakan perniagaan koperasi yang memenuhi keperluan bersama</li> </ul>

### Opsyen 2: Pindaan sebahagian Akta Koperasi 1993

<b>STAKEHOLDER</b>	<b>KEKUATAN</b>	<b>KELEMAHAN</b>
Koperasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tadbir urus dalam koperasi dipertingkatkan melalui pendekatan <i>self-regulatory</i> dan <i>self-governance</i></li> <li>• Peluang untuk meningkatkan kompetensi Lembaga koperasi melalui kursus keusahawanan dan pengurusan</li> <li>• Perolehan koperasi melalui pembangunan koperasi boleh dipertingkatkan melalui program/projek yang dilaksanakan oleh koperasi berkualiti, tulen dan <i>vibrant</i></li> <li>• Sokongan anggota kepada aktiviti ekonomi akan dapat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Koperasi tidak dapat meningkatkan kapasiti modal insan dalam pelaksanaan pemantauan sendiri</li> <li>• Peluang, cabaran perniagaan baharu dengan kaedah pelaksanaan terkini tidak sampai ke pengetahuan Lembaga koperasi</li> <li>• Keputusan untuk melaksanakan sesuatu program/projek tidak berdasarkan kepada garis panduan, tata kelakuan, bimbingan, akses</li> </ul>

STAKEHOLDER	KEKUATAN	KELEMAHAN
	<p>dipertingkatkan melalui pengenalan piawaian pelaksanaan perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Conflict of interest</i> dapat dihindarkan melalui fokus pelaburan koperasi kepada program dan projek yang boleh meningkatkan daya saing dan kelestarian koperasi.</li> </ul>	<p>pembiayaan yang diberikan oleh pihak Kerajaan</p>
Suruhanjaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fokus kepada pelaksanaan klasifikasi koperasi akibat penjimatan masa dan kos menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan</li> <li>• Pengagihan peruntukan Kerajaan dan agenda pembangunan koperasi dapat dilaksanakan dengan lebih efektif melalui pemilihan koperasi yang berdaya saing</li> </ul>	Tiada
Masyarakat Umum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan koperasi yang menjurus kepada pencapaian matlamat penubuhan dapat dipertingkatkan</li> <li>• <i>Ease of doing business</i> iaitu kemudahan untuk mendaftarkan koperasi dengan bilangan anggota yang lebih sedikit</li> </ul>	Tiada

#### 5.4.2 Kaedah Force Ranking

OPSYEN	IMPAK	SKALA BAGI MENCAPAI OBJEKTIF DI PARA 3 (Skala: 0 hingga 10) (0 – Tidak relevan) (10 – Sangat relevan)
Opsyen 1: Status Quo	1. Menjejaskan pertumbuhan perolehan yang akan dijana oleh koperasi akibat ketidakupayaan koperasi mendapatkan sumber kewangan untuk aktiviti ekonominya	9
	2. Kos tindakan pembetulan dan pencegahan lebih tinggi berikutan tadbir urus koperasi yang rendah	5
	3. Kekurangan budaya dan kompetensi keusahawanan di kalangan Lembaga yang boleh meningkatkan kos menjalankan perniagaan	5
	4. <i>Conflict of interest</i> di kalangan Lembaga akibat keghairahan untuk melaksanakan pelaburan yang tidak selaras dengan keperluan sosio ekonomi anggota koperasi	5
	5. Penubuhan koperasi tidak selaras dengan matlamat penubuhan	5
	6. Anggota kurang memberikan sokongan kepada aktiviti ekonomi koperasi	5
	7. Kesukaran untuk mendapatkan bakal anggota yang komited untuk memulakan perniagaan koperasi yang memenuhi keperluan bersama	5

OPSYEN	IMPAK	SKALA BAGI MENCAPAI OBJEKTIF DI PARA 3 (Skala: 0 hingga 10) (0 – Tidak relevan) (10 – Sangat relevan)
		Jumlah Markah: 39

Opsyen 2: Pindaan sebahagian Akta Koperasi 1993	1. Tadbir urus dalam koperasi dipertingkatkan melalui pendekatan <i>self-regulatory</i> dan <i>self-governance</i>	8
	2. Peluang untuk meningkatkan kompetensi Lembaga koperasi melalui kursus keusahawanan dan pengurusan	8
	3. Perolehan koperasi melalui pembangunan koperasi boleh dipertingkatkan melalui program/projek yang dilaksanakan oleh koperasi berkualiti, tulen dan <i>vibrant</i>	10
	4. Sokongan anggota kepada aktiviti ekonomi koperasi akan dapat dipertingkatkan melalui pengenalan piawaian pelakuan perniagaan	7
	5. <i>Conflict of interest</i> dapat dihindarkan melalui fokus pelaburan koperasi kepada program dan projek yang boleh meningkatkan daya saing dan kelestarian koperasi.	7

	6. Penubuhan koperasi yang menjurus kepada pencapaian matlamat penubuhan dapat dipertingkatkan	8
	7. <i>Ease of doing business</i> iaitu kemudahan untuk mendaftarkan koperasi dengan bilangan anggota yang lebih sedikit.	8
		<b>Jumlah Markah: 56</b>

## 6.0 KONSULTASI

### 6.1 Sesi *Engagement*

Suruhanjaya telah mengadakan beberapa siri sesi *engagement* untuk membincangkan secara terperinci isu mengenai polisi yang diambil kira semasa penyediaan cadangan pindaan Akta 502 dan seterusnya mendapatkan maklum balas ke atas polisi yang telah dibentangkan.

Siri sesi *engagement* dengan gerakan koperasi bermula pada tahun 2014 hingga Januari 2017 yang melibatkan 450 koperasi di seluruh negeri yang merangkumi pelbagai fungsi dan kluster koperasi.

Selain itu, sesi konsultasi juga telah diadakan bersama agensi-agensy pengawalseliaan yang berkaitan seperti Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Jabatan Perlindungan Data Peribadi, Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian sepanjang tahun 2016 sehingga bulan Jun 2017.

### 6.2 Prosedur Konsultasi

Suatu sesi *video conferencing* bersama kakitangan Suruhanjaya telah diadakan bagi menerangkan kaedah pelaksanaan sesi konsultasi yang dijalankan di peringkat negeri. Koperasi di negeri telah dibekalkan dengan dokumen mengenai cadangan polisi dalam akta yang dipinda beserta dengan format maklum balas sebagai rujukan dan panduan mereka. Mekanisme konsultasi dijalankan seperti berikut:

- (a) perbincangan berkumpulan mengikut lokaliti kawasan penyeliaan koperasi;
- (b) koperasi yang tersenarai dalam Profil 100 Terbaik; dan
- (c) perbincangan bersemuka dengan agensi pengawalseliaan.



## 6.3 Rumusan Maklum Balas

6.3.1 Hasil perbincangan daripada sesi tersebut menunjukkan bahawa pihak koperasi dan agensi yang berkaitan tidak mempunyai halangan untuk menambahbaik Akta 502. Perincian maklumat sesi konsultasi dan rumusan maklum balas adalah seperti di **Lampiran 1.**

6.3.2 Isu-isu utama yang dibincangkan di sepanjang sesi konsultasi bersama koperasi seperti berikut:

### A. Liberalisasi perundangan

#### (a) Cadangan Polisi Dasar:

- (i) Koperasi boleh diklasifikasikan kepada beberapa peringkat berdasarkan kepada pemeriksaan usaha wajar (DDE). Tujuan klasifikasi koperasi dibuat bagi memberi peluang kepada koperasi yang mempunyai tadbir urus yang cemerlang serta kedudukan kewangan yang kukuh untuk melaksanakan pematuhan perundangan sendiri.
- (ii) Klasifikasi koperasi dilaksanakan sepenuhnya berdasarkan penarafan bintang melalui pemeriksaan usaha wajar (DDE) dengan menggunakan komponen FLAME-T yang merangkumi penarafan ke atas semua elemen kewangan dan bukan kewangan.
  - **Tier 1** – koperasi mempunyai tadbir urus yang cemerlang dan kedudukan kewangan yang kukuh;

- **Tier 2** – koperasi mempunyai tadbir urus yang memuaskan dan kedudukan kewangan yang sederhana; dan
- **Tier 3** – koperasi yang tidak diklasifikasikan di dalam Tier 1 dan Tier 2 termasuklah koperasi baharu didaftarkan, koperasi bersaiz kecil dan mikro.

(iii) Koperasi yang berada pada *Tier 1* dan *Tier 2* akan diberi keistimewaan dari segi liberalisasi perundangan.

(b) **Maklum balas Koperasi:**

Gerakan koperasi bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya untuk memasukkan peruntukan yang membolehkan Suruhanjaya membuat klasifikasi koperasi mengikut peringkat tertentu bagi tujuan pematuhan perundangan sendiri.

(c) **Keputusan Suruhanjaya:**

Suruhanjaya mengekalkan peruntukan ini di mana koperasi yang berada pada *Tier 1* dan *Tier 2* akan diberi keistimewaan dari segi liberalisasi perundangan.

## **B. Permudahkan Pendaftaran Koperasi**

(a) **Cadangan Polisi Dasar:**

Syarat minimum bilangan anggota semasa permohonan pendaftaran dikurangkan daripada lima puluh kepada dua puluh orang bagi memastikan kumpulan individu yang kecil dapat memenuhi aspirasi dan keperluan bersama untuk menubuhkan koperasi. Pindaan peruntukan ini akan mempermudah mana-

mana orang seperti ahli profesional untuk mengumpul bakal anggota dalam kumpulan sasar yang sama untuk menubuhkan koperasi.

**(b) Maklum Balas Koperasi**

Gerakan koperasi bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya untuk mengurangkan bilangan minimum keanggotaan semasa memohon pendaftaran koperasi.

**(c) Keputusan Suruhanjaya**

Cadangan ini dikekalkan bagi memudahkan mana-mana orang yang berhasrat untuk menubuhkan koperasi mendapatkan bakal anggota dengan bilangan minimum yang lebih kecil. Peruntukan ini juga secara tidak langsung boleh meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi.

**C. Kehendak Syariah**

**(a) Cadangan Suruhanjaya**

Peruntukan ini menghendaki koperasi yang menjalankan sesuatu perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah untuk mewujudkan Jawatankuasa Syariah di samping mematuhi prinsip-prinsip Syariah, nasihat daripada Jawatankuasa Syariahnya serta nasihat dan arahan Suruhanjaya. Peruntukan ini juga memperuntukkan koperasi yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan atau aktiviti Syariah hendaklah mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu sebagaimana ditentukan oleh Suruhanjaya.

**(b) Maklum Balas Koperasi**

Gerakan koperasi berpendapat peruntukan khas mengenai koperasi yang melaksanakan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah boleh membantu koperasi untuk melaksanakan aktiviti dengan lebih sistematik berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.

**(c) Keputusan Suruhanjaya**

Suruhanjaya memutuskan peruntukan ini wajar dikekalkan kerana ia memberi tumpuan yang jelas terhadap pematuhan dan tadbir urus Syariah bagi koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah. Secara khususnya peruntukan ini menyediakan rangka kerja undang-undang yang menyeluruh selaras sepenuhnya dengan syariah dalam semua aspek pengawalan dan penyeliaan.

**D. Penyelarasan Penalti**

**(a) Cadangan Suruhanjaya**

Penyelarasan peruntukan penalti bertujuan sebagai langkah pencegahan (*deterrent*) dan bagi memastikan tiada arbitraj regulatori bagi mengekalkan kestabilan dan keseimbangan sektor koperasi.

**(b) Maklum Balas Koperasi**

Gerakan koperasi tidak bersetuju dengan cadangan penyelarasan hukuman dalam Akta Koperasi 1993 kerana peningkatan kadar penalti dan tempoh pemenjaraan adalah tidak *proportionate* dengan kadar asal.

**(c) Keputusan Suruhanjaya**

Berdasarkan kajian susulan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya dan pandangan Jabatan Peguam Negara, peruntukan penyelarasan kadar penalti dan hukuman dikeluarkan.

**E. Anggota Bersekutu**

**(a) Cadangan Suruhanjaya**

Suruhanjaya boleh menentukan mana-mana entiti yang mempunyai sinergi dengan koperasi termasuk mana-mana badan atau organisasi menjadi anggota sesuatu koperasi bagi membolehkan mereka berkongsi modal dan kepakaran untuk mengembangkan aktiviti dan perniagaan koperasi.

**(b) Maklum Balas Koperasi**

Secara dasarnya peruntukan ini boleh memberi ruang kepada entiti selain koperasi untuk menjadi anggota koperasi di samping terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi. Peruntukan ini juga membolehkan koperasi meningkatkan sumber dana melalui sumbangan syer daripada entiti yang menjadi anggotanya.

**(c) Keputusan Suruhanjaya**

Peruntukan bagi membolehkan koperasi mengambil anggota dalam kalangan mana-mana badan atau organisasi sebagai anggota bagi tujuan perkongsian modal dan kepakaran. Walau bagaimanapun, peruntukan ini akan mengambil kira pandangan Bank Negara Malaysia dan Jabatan Peguam Negara.

## **F. Pembaharuan Pendaftaran**

### **(a) Cadangan Suruhanjaya**

Peruntukan baharu diwujudkan bagi memperuntukkan keperluan koperasi untuk memperbaharui pendaftarannya. Keperluan membaharui pendaftaran membolehkan Suruhanjaya mengenal pasti koperasi tidak aktif dan dormant serta ke arah melahirkan koperasi yang berkualiti dan berdaya saing.

### **(b) Maklum Balas Koperasi**

Gerakan Koperasi bersetuju dengan cadangan ini bagi memastikan matlamat semakan Akta ini tercapai.

### **(c) Keputusan Suruhanjaya**

Peruntukan ini dikekalkan bagi membolehkan Suruhanjaya merealisasikan objektifnya untuk melahirkan koperasi yang tulen, berkualiti dan *vibrant*. Melalui peruntukan ini, Suruhanjaya mempunyai mekanisme yang lebih mudah untuk menentukan mana-mana koperasi yang tidak aktif atau dormant.

## **G. Pembatalan**

### **(a) Cadangan Suruhanjaya**

Peruntukan pembatalan koperasi dibuat pindaan bagi diselaraskan dengan pewujudan seksyen baharu pembaharuan pendaftaran. Mana-mana koperasi tidak aktif atau dormant boleh dibatalkan pendaftarannya.

### **(b) Maklum Balas Koperasi**

Koperasi tidak aktif dan dormant wajar diberi peluang untuk meneruskan pendaftarannya sebelum arahan pembatalan dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

**(c) Keputusan Suruhanjaya**

Peruntukan ini dikekalkan bagi membolehkan Suruhanjaya membatalkan mana-mana koperasi dorman atau tidak aktif dengan lebih mudah. Suruhanjaya boleh memberi tumpuan penyeliaan kepada koperasi yang mempunyai kualiti dari segi tadbir urus dan perniagaannya. Peruntukan ini juga boleh mengelakkan pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menggunakan koperasi sebagai conduit demi kepentingan peribadi.

**H. Kehendak Kerahsiaan**

**(a) Cadangan Suruhanjaya**

Peruntukan baharu ini diwujudkan untuk menjamin kerahsiaan data, maklumat dan dokumen yang berkenaan dengan transaksi komersial antaranya maklumat pendeposit (termasuk anggota koperasi) dan peminjam pembiayaan kemudahan kredit.

**(b) Maklum Balas Koperasi**

Peruntukan khas mengenai kehendak kerahsiaan boleh meningkatkan keyakinan masyarakat umum kepada koperasi kerana koperasi juga terikat dengan keperluan bagi memelihara maklumat anggotanya daripada terdedah kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

**(c) Keputusan Suruhanjaya**

Peruntukan baharu ini dikekalkan bagi menjamin maklumat berkaitan transaksi koperasi terpelihara. Walaupun Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) telah berkuatkuasa, adalah lebih baik peruntukan

pemeliharaan kerahsiaan diwujudkan khusus dalam pindaan Akta Koperasi 1993 bagi menggambarkan bahawa isu pemeliharaan kerahsiaan maklumat adalah signifikan dan setara dengan amalan di sektor kewangan dan pasaran sekuriti.

## **I. Aktiviti Perniagaan Koperasi dan Keperluan Penetapan Modal Minimum**

### **(a) Cadangan Suruhanjaya**

Suruhanjaya mencadangkan supaya suatu peruntukan mengenai pengelasan koperasi mengikut fungsi aktiviti perniagaan yang dijalankan. Fungsi tersebut termasuklah perbankan, kredit, pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan. Sebagai tambahan, Suruhanjaya boleh menetapkan keperluan modal minimum bagi koperasi menjalankan fungsi yang dinyatakan. Sebagai contoh, mana-mana koperasi yang berhasrat menjalankan fungsi perbankan haruslah mempunyai kumpulan wang anggota minimum sebanyak RM300 juta.

### **(b) Maklum Balas Koperasi**

Gerakan koperasi bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya untuk mendaftarkan koperasi mengikut fungsi yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, gerakan koperasi kurang bersetuju sekiranya Suruhanjaya menetapkan keperluan modal minimum bagi koperasi menjalankan sesuatu fungsi tersebut.

### **(c) Keputusan Suruhanjaya**

Suruhanjaya akan memasukkan pendaftaran koperasi mengikut fungsi sahaja dalam semakan Akta ini.



## **J. Perkhidmatan Setiausaha Koperasi Berlesen**

### **(a) Cadangan Polisi Dasar:**

Mewujudkan peruntukan bagi membolehkan koperasi melantik Setiausaha Koperasi Berlesen akan dapat melancarkan lagi pentadbiran koperasi bagi memastikan koperasi lebih *vibrant*. Antara peranan Setiausaha Koperasi Berlesen termasuklah memastikan semua dokumentasi dilaksanakan secara sistematik, mencatat dan menyediakan minit mesyuarat Lembaga Koperasi dan Mesyuarat Agung Tahunan serta menyerahsimpan (*lodgement of documents/reporting*) semua dokumen kepada Suruhanjaya.

Anggota Lembaga Koperasi tidak boleh melepaskan tanggungjawabnya jika melantik Setiausaha Koperasi Berlesen. Perincian mengenai Setiausaha Koperasi Berlesen akan diperincikan di dalam arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Melalui cadangan polisi ini, pematuhan terhadap seksyen 14(1)(a) dan (b) Akta 502 iaitu penyerahan senarai anggota Lembaga tidak lewat daripada lima belas hari selepas mesyuarat agung tahunannya dan minit-minit segala mesyuarat agung tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat-mesyuaratnya dapat dipertingkatkan kepada 90% menjelang tahun 2020.

### **(b) Maklumbalas Koperasi:**

Gerakan Koperasi bersetuju dengan cadangan ini bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus koperasi.

Peningkatan kadar pematuhan terhadap perundangan koperasi dapat mempertingkatkan lagi keyakinan anggota untuk mengamalkan prinsip koperasi.

**(c) Keputusan Suruhanjaya:**

Cadangan ini akan diambilkira semasa penyediaan Rang Undang-Undang dan tertakluk kepada kaedah penggubalan di Jabatan Peguam Negara.

**K. Tindakan pentadbiran**

**(a) Cadangan Polisi Dasar:**

Mewujudkan peruntukan baharu yang memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengambil tindakan secara pentadbiran ke atas mana-mana koperasi yang gagal mematuhi kesalahan ketat (*strict liability*) di bawah Akta 502. Di antara kesalahan ketat yang telah dikenalpasti termasuklah:

- 1) seksyen 11: Koperasi gagal memaklumkan setiap pertukaran alamat berdaftar;
- 2) perenggan 12(a): Koperasi gagal mempamerkan dengan ketara pada setiap cawangan koperasi nama berdaftar koperasi tersebut;
- 3) perenggan 12(b): Koperasi gagal mempamerkan dengan ketara pada setiap cawangan, apa-apa nama atau logo lain sebagaimana yang boleh melambangkan koperasi itu, dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu Suruhanjaya;
- 4) subsekyen 14(1)(a): Koperasi gagal menyerahkan simpan kepada Suruhanjaya suatu senarai anggota Lembaga tidak lewat daripada lima belas hari selepas mesyuarat agung tahunannya;

- 5) subsekyen 14(1)(b): Koperasi gagal menyerah simpan kepada Suruhanjaya minit semua mesyuarat agung tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu;
- 6) subseksyen 19A(1): Koperasi atau subsidiari koperasi membuka cawangan tanpa kelulusan bertulis Suruhanjaya terlebih dahulu;
- 7) subseksyen 39(1): Koperasi gagal mengadakan mesyuarat agung tahunan anggota atau perwakilannya tidak lewat dari enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- 8) subseksyen 43(2): Koperasi gagal mendapatkan penentusahan daripada Suruhanjaya sebelum pelantikan atau pelantikan semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga sama ada orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- 9) subseksyen 57(2): Koperasi gagal membayar sekian jumlah wang yang ditentukan oleh Suruhanjaya kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi;
- 10) perenggan 57(5)(b): Koperasi membayar dividen, atas syer dan yuran anggota koperasi melebihi kadar yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan membayar dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan mendapat

kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya;

- 11) subseksyen 57(8): Koperasi membayar dividen dengan menggunakan untung bersih terauditnya walaupun koperasi mempunyai kerugian terkumpulnya, tanpa kelulusan Suruhanjaya;
- 12) subseksyen 60(1): Koperasi gagal menyebabkan akaunnya diaudit sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun kewangan
- 13) perenggan 91(1)(b): Koperasi enggan atau abai melakukan kehendak Akta, Peraturan atau Perintah.

**(b) Maklumbalas Koperasi:**

Gerakan koperasi tidak bersetuju untuk mewujudkan peruntukan ini dan mencadangkan supaya peruntukan seksyen 93 mengenai kompaun dikekalkan. Tindakan pentadbiran tidak telus dan tidak melibatkan pihak *independent* seperti mahkamah. Dalam konteks kompaun, sekiranya koperasi tidak bersetuju atau tidak membayar kompaun, tindakan pendakwaan boleh diambil ke atas koperasi. Cadangan tindakan pentadbiran ini akan menyebabkan koperasi tidak mempunyai ruang untuk membela diri.

**(c) Keputusan Suruhanjaya:**

Peruntukan ini akan digugurkan daripada cadangan pindaan Akta ini.

## **L. Perlindungan pengguna dan pelakuan perniagaan dilarang**

### **(a) Cadangan Polisi Dasar:**

Suruhanjaya mencadangkan supaya peruntukan baharu diwujudkan untuk melindungi pengguna yang mempunyai transaksi yang sah dengan koperasi daripada terma-terma perniagaan tidak adil yang wujud dalam sesuatu kontrak. Peruntukan ini menjadikan Akta ini kekal relevan dalam menghadapi perubahan bagi amalan perdagangan pada masa kini dan mampu memberi perlindungan yang lebih menyeluruh kepada pengguna. Pada ketika ini tiada peruntukan di dalam Akta 502 yang dapat melindungi pengguna secara menyeluruh.

### **(b) Maklumbalas Koperasi:**

Gerakan koperasi bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya untuk mewujudkan peruntukan baharu bagi melindungi pengguna yang mempunyai transaksi yang sah dengan koperasi daripada terma-terma perniagaan tidak adil yang wujud dalam sesuatu kontrak.

### **(c) Keputusan Suruhanjaya:**

Peruntukan baharu ini akan dimasukkan ke dalam cadangan pindaan Akta 502 selaras dengan keputusan gerakan koperasi.

## **M. Pewujudan peruntukan mengenai badan yang mewakili gerakan koperasi**

### **(a) Cadangan Polisi Dasar:**

Buat masa kini, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia merupakan badan yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bagi mmemperkasakan fungsi dan peranan badan tersebut, Suruhanjaya mencadangkan supaya diwujudkan peruntukan khusus mengenai badan yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Suruhanjaya turut mencadangkan supaya badan tersebut bukan dalam kalangan koperasi, sebaliknya ditubuhkan suatu persatuan yang mewakili pergerakan koperasi.

Dengan mengambil contoh Persatuan Bank-Bank Malaysia yang mewakili kepentingan anggota-anggotanya di peringkat domesyang terdiri daripada 27 buah bank (10 bank tempatan, 6 Institusi Pembangunan Kewangan, 10 bank asing diperbadankan di Malaysia dan 1 Institusi Kewangan Antarabangsa). Persatuan ini menyediakan perkhidmatan dan bantuan kepada anggota dalam aspek pembangunan perbankan dan kewangan Islam. Persatuan ini tidak menjalankan aktiviti perbankan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

### **(b) Maklumbalas Koperasi:**

Gerakan koperasi bersetuju supaya diwujudkan peruntukan mengenai badan yang diisytiharkan oleh

Menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Walau bagaimanapun, gerakan koperasi tidak bersetuju sekiranya badan tersebut terdiri daripada persatuan kerana ianya tidak mengamalkan prinsip dan falsafah koperasi.

Sebaliknya gerakan koperasi mencadangkan supaya rangka perundangan badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa diperkukuhkan khususnya dari segi tadbir urusnya bagi membolehkannya menjalankan fungsi dan peranannya dengan lebih berkesan.

**(c) Keputusan Suruhanjaya:**

Suruhanjaya akan mengambil kira cadangan gerakan koperasi yang menghendaki supaya badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa terdiri koperasi sahaja.

**N. Pewujudan Lembaga Pengawasan Dalam Koperasi**

**(a) Cadangan Polisi Dasar:**

Bagi meningkatkan keberkesanan kawalan dalaman koperasi, Suruhanjaya mencadangkan supaya diwujudkan Lembaga Pengawasan dalam koperasi. Fungsi Lembaga Pengawasan ini termasuklah memastikan Lembaga dan pengurusan melaksanakan keputusan mesyuarat agung. Lembaga Pengawasan ini juga bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan kepada mesyuarat agung dan Suruhanjaya secara berkala agar tindakan pencegahan serta pembetulan dapat diambil dengan segera. Walau bagaimana pun, Lembaga Pengawasan ini hanya perlu diwujudkan oleh

mana-mana koperasi yang akan dikenalpasti oleh Suruhanjaya seperti koperasi yang menjalankan aktiviti berisiko tinggi, contohnya, co-opbank.

**(b) Maklumbalas Koperasi:**

Gerakan koperasi tidak bersetuju untuk mewujudkan peruntukan baharu ini dan melihat bahawa tiada keperluan untuk sebuah koperasi mempunyai dua kumpulan Lembaga. Ini juga dilihat sebagai meningkatkan kos kepada koperasi kerana melibatkan pembayaran saraan kepada Lembaga Pengawasan ini. Sebagai tambahan, fungsi Lembaga Pengawasan akan bertindih dengan peranan Jawatankuasa Audit Dalam. Walau bagaimanapun, gerakan koperasi mencadangkan supaya fungsi Jawatankuasa Audit Dalam diperkukuh dan diperkasakan melalui kewajipan mereka untuk menghadiri kursus wajib sepertimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya. Koperasi juga boleh menjalankan proses penentusahan sebelum Lembaga melantik Jawatankuasa Audit Dalam.

**(c) Keputusan Suruhanjaya:**

Peruntukan ini akan ditambahbaik dengan memasukkan fungsi dan peranan Jawatankuasa Audit Dalam serta kewajipan menghadiri kursus bagi Jawatankuasa Audit Dalam ke dalam cadangan pindaan Akta ini.



## **O. Penerbitan debentur oleh koperasi kepada anggota dan koperasi lain**

### **(a) Cadangan Polisi Dasar:**

Suruhanjaya mencadangkan supaya koperasi dibenarkan untuk menerbitkan debentur sebagai suatu alternatif untuk meningkatkan sumber modal dan mengembangkan perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, penerbitan debentur adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu. Peruntukan ini adalah bagi memastikan koperasi berdaya saing selaras dengan entiti perniagaan lain.

### **(b) Maklumbalas Koperasi:**

Gerakan koperasi bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya untuk kepentingan pembangunan koperasi.

### **(c) Keputusan Suruhanjaya:**

Peruntukan ini akan dimasukkan ke dalam cadangan pindaan Akta ini.

## **6.4 Rumusan Sesi Konsultasi**

Berikut adalah laporan sesi konsultasi yang diadakan:

- (i) Laporan Konsultasi Bertarikh 2 Oktober 2014 : **Lampiran A**
- (ii) Laporan Konsultasi Peringkat Negeri : **Lampiran B**
- (iii) Laporan Konsultasi Bertarikh 24 Januari 2017 : **Lampiran C**

## 7.0 KESIMPULAN DAN SYOR

### 7.1 Kesimpulan

Berdasarkan kepada kedua-dua kaedah analisis di para 5, didapati Opsyen 2 lebih memberi lebih manfaat kepada gerakan Koperasi dalam usaha merealisasikan hasrat Kerajaan yang diterjemahkan melalui Dasar Koperasi Negara 2011-2020. Melalui kaedah *force ranking*, Opsyen 2 memperoleh skor sebanyak 47 markah berbanding dengan Opsyen 1 yang hanya memperoleh 20 markah.

Berdasarkan kepada penelitian kajian dan melalui hasil analisis kekuatan-kelebihan serta kaedah *force ranking*, Suruhanjaya memutuskan untuk memilih Opsyen 2 iaitu pindaan ke atas sebahagian Akta 502.

Melalui kajian RIS ini, cadangan pindaan ke atas sebahagian Akta 502 selaras dengan hasrat Suruhanjaya bagi memastikan perundangan koperasi sentiasa kekal relevan dengan perkembangan ekonomi semasa dalam dan luar negara.

Opsyen 2 ini dilihat dapat merealisasikan hasrat Suruhanjaya dalam menzahirkan koperasi yang tulen, berkualiti dan *vibrant*. Koperasi mampu dan berupaya untuk berdaya saing dengan sektor lain dengan ilmu pengetahuan dan kompetensi anggota Lembaga dan pembaharuan pendaftaran koperasi dapat mengurangkan koperasi dorman dan tidak aktif.

Melalui Opsyen 2 ini juga mewujudkan konsep pematuhan sendiri oleh koperasi bagi meningkatkan kepertanggungjawaban Lembaga terhadap koperasi dan opsyen ini juga menyatakan dengan jelas keperluan koperasi mengklasifikan mengikut peringkat tertentu.

Selain itu, opsyen ini juga sebagai penunjuk arah memastikan pengawalan dan pengawalseliaan dijalankan dengan lebih efektif ke atas koperasi bagi meningkatkan tadbir urus dan integriti pegawai koperasi.

## **7.2 Komen dan pandangan agensi ke atas Draf Awal Rang Undang-Undang Akta Koperasi 1993**

Berikutan sesi konsultasi yang telah dilaksanakan, Suruhanjaya telah mengemukakan draf awal Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2017 kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi tujuan semakan dan gubalan. Berikut adalah antara keputusan Suruhanjaya berdasarkan kepada perbincangan yang telah diadakan bersama dengan AGC dan Bahagian Undang-Undang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (BUU KPDNKK) terhadap peruntukan yang signifikan sepertimana yang dicadangkan semasa sesi konsultasi:

### **(i) Perkhidmatan Setiausaha Koperasi Berlesen**

Suruhanjaya bersetuju dengan pandangan AGC untuk tidak memasukkan peruntukan mengenai penggunaan perkhidmatan Setiausaha Koperasi Berlesen oleh koperasi kerana dilihat terdapat pertindihan tugas di antara jawatan Setiausaha Koperasi yang merupakan sebahagian daripada Lembaga Koperasi. Sebaliknya AGC bersetuju untuk memasukkan peruntukan mengenai kewajipan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk menghadiri kursus sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya bagi meningkatkan kompetensi mereka dalam hal ehwal pengurusan koperasi.

### **(ii) Aktiviti Perniagaan Koperasi**

Suruhanjaya bersetuju dengan pandangan AGC bahawa tiada keperluan untuk mendaftarkan koperasi mengikut fungsi serta aktiviti yang dijalankan oleh koperasi. Koperasi tidak mempunyai sebarang sekatan untuk menjalankan sebarang aktiviti sebagaimana yang

dinyatakan di dalam undang-undang kecilnya. Walau bagaimanapun, mengikut amalan biasa, aktiviti yang dijalankan oleh koperasi adalah juga tertakluk kepada undang-undang bertulis lain yang berkaitan.

**(iii) Tindakan Pentadbiran**

Suruhanjaya bersetuju dengan pandangan AGC supaya peruntukan mengenai tindakan pentadbiran ditarik balik daripada draf awal Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2017 kerana dikhuatiri berlakunya *double jeopardy* dalam menguatkuasakan tindakan ini. Tambahan pula, peruntukan ini yang diadaptasi daripada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 tidak sesuai dimasukkan dalam pindaan Akta kali ini.

**(vi) Anggota Bersekutu**

Suruhanjaya bersetuju dengan pandangan Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa koperasi boleh mengambil badan berkanun atau organisasi sebagai anggota penuh koperasi dan bukannya sebagai anggota bersekutu. Anggota yang terdiri daripada badan berkanun atau organisasi hanya boleh menyumbang modal syer sahaja dalam koperasi, tertakluk kepada had yang ditetapkan di bawah seksyen 33 Akta Koperasi 1993. Walau bagaimanapun, apa-apa deposit yang koperasi diterima daripada anggota yang terdiri daripada badan berkanun atau organisasi hendaklah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang memerlukan kelulusan Suruhanjaya dan BNM di bawah *dual approval regime*.

### 7.3 Syor

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada sesi *engagement*, Suruhanjaya telah mengesyorkan penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada dan pewujudan peruntukan baharu dalam Akta 502 bagi memperkemaskan lagi perundangan sedia ada seperti berikut—

#### (A) Penzahiran koperasi yang tulen, berkualiti dan *vibrant*

1. Keperluan untuk memperbaharui pendaftaran koperasi.
2. Peningkatan kompetensi anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman melalui keperluan menghadiri kursus.
3. Penerimaan anggota dalam kalangan badan berkanun dan organisasi bagi berkongsi kepakaran dan sumber modal.
4. Pengurangan bilangan minimum anggota yang berkelayakan bagi pendaftaran suatu koperasi daripada 50 kepada 20 orang.
5. Pengurangan bilangan anggota Lembaga sesuatu koperasi daripada enam (6) kepada tiga (3) orang dan Jawatankuasa Audit Dalaman daripada tiga (3) kepada dua (2) orang.
6. Pelantikan anggota Lembaga koperasi dalam kalangan anggota yang menjadi anggota kurang daripada dua (2) tahun dari tahun ketiga pendaftaran sesuatu koperasi.
7. Pelantikan mana-mana orang oleh Suruhanjaya termasuklah seseorang yang bukan anggota koperasi sebagai anggota Lembaga.
8. Penerimaan wang daripada terbitan debentur kepada anggota dan koperasi sebagai salah satu sumber dana sesuatu koperasi.
9. Mekanisme pengambilan deposit daripada, atau pemberian pinjaman kepada anggota dan bukan anggota sesuatu koperasi.
10. Mekanisme pembayaran Kumpulan Wang Amanah sebelum peruntukan dibuat kepada percukaian, pembayaran kepada

Kumpulan Wang Rizab Statutori dan sebagainya di mana kerugian terkumpul tidak dihapus kira, serta pembayaran dividen atas syer, yuran dan syer bonus.

11. Pembatalan pendaftaran bagi koperasi yang gagal memperbaharui pendaftaran, koperasi dorman atau tidak aktif.

**(B) Keperluan untuk mewujudkan pematuhan sendiri (*self-regulatory*) oleh koperasi**

1. Keperluan untuk mengklasifikasikan koperasi mengikut peringkat tertentu.
2. Keperluan bagi koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah untuk mewujudkan Jawatankuasa Syariah dan mematuhi prinsip Syariah, nasihat daripada jawatankuasa Syariahnya serta nasihat dan arahan Suruhanjaya.
3. Jaminan kerahsiaan data, maklumat dan dokumen berkenaan transaksi komersial termasuklah maklumat deposit anggota koperasi dan peminjam pembiayaan kemudahan kredit.
4. Keperluan untuk mempamerkan nama berdaftar secara jelas di pejabat berdaftar, cawangan termasuk nama singkatan.
5. Keperluan bagi mendapatkan kelulusan penggunaan logo dimansuhkan.
6. Keperluan bagi anggota Lembaga koperasi mematuhi kerangka perundangan koperasi berserta keperluan syarat kelayakan keanggotaan.
7. Mana-mana koperasi boleh dikecualikan daripada kehendak untuk mengaudit akaunnya bagi setiap tahun kewangan tetapi perlu mengemukakan penyata kewangan kepada Suruhanjaya.

**(C) Pengawasan dan pengawalseliaan**

1. Pengawalseliaan koperasi yang diisytiharkan Menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Keperluan untuk menentukan piawaian mengenai pelakuan perniagaan kepada koperasi bagi maksud memastikan bahawa koperasi adalah adil, bertanggungjawab dan profesional apabila berurusan dengan pengguna.
3. Larangan ke atas juruaudit yang telah dibatalkan kelulusannya untuk mengaudit akaun koperasi daripada dilantik semula sebagai juruaudit koperasi bagi tempoh dua (2) tahun daripada tarikh pembatalannya atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang ditentukan.
4. Maklumat yang boleh disiarkan untuk tujuan kepentingan awam.
5. Keperluan untuk memastikan seseorang yang bankrap yang belum dilepaskan dan seseorang yang sijil amalan audit untuk menjalankan audit telah ditarik balik adalah tidak layak bagi menjadi juruaudit sesuatu koperasi.
6. Larangan pegawai sesuatu koperasi yang telah dipecat tidak boleh dilantik sebagai anggota Lembaga atau mana-mana anggota mana-mana jawatankuasa sesuatu koperasi lain.

**8.0 STRATEGI PELAKSANAAN**

Peruntukan dalam Akta 502 memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk menyediakan peraturan, dengan kelulusan Menteri, untuk mengawal selia pengurusan koperasi.

Selain itu, Suruhanjaya juga boleh mengeluarkan Perintah, Garis Panduan, Arahan, Surat Pekeliling dan Notis sebagai panduan dan rujukan kepada koperasi untuk mematuhi Akta Koperasi.

## 8.1 Pemantauan

Pelaksanaan pindaan Akta 502 ini akan diselia dan dipantau oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri yang merangkumi 112 wilayah penyeliaan di seluruh Negara dengan kekuatan 857 orang pegawai. Penyeliaan dan pemantauan yang berkesan oleh Pegawai dijalankan melalui lawatan di lapangan (*on site*) dan di luar lapangan (*off site*) secara berkala.

Manakala di peringkat Ibu Pejabat pula, Sektor Operasi dan Kawal Selia yang terdiri daripada empat (4) bahagian dengan kekuatan 138 orang pegawai bertanggungjawab untuk memperkukuhkan fungsi pengawalseliaan dan pemantauan bagi memastikan peningkatan pematuhan koperasi kepada obligasi statutori.

<b>BAHAGIAN</b>	<b>BILANGAN PERJAWATAN</b>
Pejabat Naib Pengerusi Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)	2
Bahagian Statutori dan Pendaftaran	23
Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus	50
Bahagian Audit Koperasi	32
Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan	31
Jumlah	138

Bahagian Statutori dan Pendaftaran bertanggungjawab memberi kefahaman ke atas perundangan secara berterusan dan keperluan untuk mematuhi Akta ini serta menyediakan standard piawaian serta garis panduan sebagai rujukan kepada koperasi.

Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus Koperasi berperanan melaksanakan pemeriksaan khas dan pemeriksaan usaha wajar bagi



mengklasifikasikan koperasi mengikut peringkat tertentu untuk mewujudkan amalan pematuhan sendiri (*self-regulatory*) koperasi.

Bahagian Audit Koperasi berperanan menjalankan pengauditan dan mengeluarkan pandangan ke atas penyata kewangan koperasi serta menyediakan polisi berkaitan pengauditan dan memastikan tahap profesionalisme, kredibiliti dan integriti pelaporan penyata kewangan yang dilaksanakan oleh juruaudit swasta yang berada pada tahap yang ditetapkan. Koperasi mikro dibolehkan mendapat pengecualian untuk menjalankan pengauditan ke atas penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan dan sasaran 85% koperasi diaudit dapat dimplementasikan sekiranya pindaan akta ini dilaksanakan.

Pemantauan berkesan yang dijalankan oleh Pegawai di peringkat Wilayah Negeri dan Sektor Kawal Selia di peringkat Ibu Pejabat dilaporkan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa 8P SKM dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan sebagai medium untuk menyampaikan dan melaporkan penyeliaan dan pemantauan koperasi.

Seterusnya dengan adanya pindaan Akta ini, Suruhanjaya dapat mencapai sasaran strategik iatu 98% daripada jumlah koperasi aktif mematuhi perundangan koperasi dengan tindakan pewujudan perundangan bagi meningkatkan tadbir urus koperasi yang berkualiti, penilaian tahap kawal selia sendiri melalui pemeriksaan usaha wajar dan koperasi diklasifikasikan mengikut peringkat tertentu.

## **8.2 Penguatkuasaan**

Tindakan penguatkuasaan Akta ini akan dilaksanakan oleh Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan Ibu Pejabat dengan keupayaan seramai 2.3 peratus daripada jumlah keseluruhan perjawatan Suruhanjaya iaitu 31 orang pegawai bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan siasatan. Bahagian ini berperanan memastikan

tindakan penguatkuasaan diambil ke atas koperasi yang gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini.

*Gateway* penguatkuasaan bermula dari aduan yang diterima melalui pelbagai saluran iaitu sistem aduan dan maklum balas di laman web portal SKM, surat, dan telefon. Sumber penguatkuasaan juga melalui pemeriksaan yang dijalankan di bawah seksyen 64 Akta Koperasi 1993 bagi tujuan penarafan koperasi. Pemeriksaan ini membolehkan keputusan penguatkuasaan dikemukakan kepada koperasi melalui perintah di bawah seksyen 67 Akta.

Mekanisme tindakan penguatkuasaan ini diklasifikan mengikut kaedah penyelesaian melalui pemeriksaan di bawah seksyen 66 Akta Koperasi 1993, siasatan di bawah seksyen 45 Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dan seterusnya melalui penyelesaian secara terus atau rundingan.

Suruhanjaya mempunyai seorang Pegawai Undang-Undang daripada Skim Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang berperanan sebagai Pendakwa Raya untuk mengambil tindakan pendakwaan ke atas mana-mana Koperasi yang telah melanggar perundangan sedia ada.

Dengan keupayaan sumber manusia yang terhad, Suruhanjaya menasarkankan dengan pindaan akta ini, 98% gerakan koperasi yang aktif dapat mematuhi perundangan koperasi dengan pembudayaan kawal selia sendiri bagi memastikan koperasi kekal berdaya saing dengan sektor lain dan arus transformasi.

### **8.3 Pelan Komunikasi**

Pelan Komunikasi bagi pelaksanaan cadangan pindaan Akta 502 adalah seperti berikut:

(i) **Mesej Strategik**

Suruhanjaya menyediakan sebuah pelan komunikasi berkaitan penambahbaikan perundangan untuk mengawal selia koperasi supaya dapat memahami dan berupaya menangani isu-isu berbangkit;

(ii) **Jurucakap**

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya dan beberapa pegawai yang berkelayakan daripada Suruhanjaya akan dilantik sebagai jurucakap pindaan Akta 502;

(iii) **Kumpulan Sasar**

Koperasi dan orang awam yang berurusan dengan koperasi;

(iv) **Aktiviti, Medium dan Tempoh Komunikasi**

Aktiviti

Antara aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan hebahan dasar Kerajaan seperti berikut:

- (a) Program Roadshow Kefahaman Pindaan Akta Koperasi meliputi empat (4) zon iaitu Borneo, Selatan, Utara dan Timur; dan
- (b) Program sesi klinik bersama Koperasi.

Medium

Penyebaran maklumat akan dibuat melalui sesi *engagement*, advokasi, media massa dan hebahan atas talian;

Tempoh Komunikasi

Proses hebahan ini akan dilaksanakan selama satu (1) tahun setelah Akta diwartakan;

(v) **Nilai impak yang disasarkan**

Adalah diharapkan bahawa pelan komunikasi yang dirancang ini akan meningkatkan kesedaran kumpulan sasaran tentang keperluan pindaan Akta 502 untuk melahirkan koperasi yang tulen, berkualiti dan *vibrant*, pematuhan sendiri oleh koperasi dan memastikan pengawalan dan pengawalseliaan dijalankan dengan lebih efektif ke atas koperasi.

**8.4 Semakan Semula**

Suruhanjaya menjangkakan Akta ini akan disemak dalam tempoh lima tahun selaras dengan selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013 iaitu Dasar Negara bagi Pembangunan Pelaksanaan Peraturan.

Semakan Akta ini akan dijalankan dalam tempoh 12 bulan sebelum tamat tempoh tersebut dengan mengambil kira kewajaran Akta perlu dipinda atau mengekalkan Akta sedia ada. Sekinya Akta perlu dipinda, satu kajian perlu dilaksanakan dengan kerjasama pihak Malaysian Productivity Cooperation (MPC).

## RINGKASAN LAPORAN SESI RUNDINGAN DAN KONSULTASI SEMAKAN AKTA KOPERASI 1993

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
1.	<p><b>Sesi:</b> Konsultasi Kajian Semula Akta Koperasi 1993 Bersama Pegawai Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia</p> <p><b>Tarikh:</b> 2 hingga 4 Mac 2014</p> <p><b>Tempat:</b> Bilik Mesyuarat Sri Perdana ICU Pulau Pinang</p>	<p>A. Sesi ini diadakan bagi mendapatkan pandangan dan input tambahan daripada semua Pengarah Bahagian Suruhanjaya Ibu Pejabat dan Suruhanjaya Cawangan Negeri serta Pegawai Kanan Suruhanjaya yang mempunyai pengetahuan dalam perundangan, penyeliaan dan pembangunan.</p> <p>B. Pada sesi ini, ahli konsultasi akan diberi penerangan mengenai setiap peruntukan yang dicadang dipinda, peruntukan baharu dan peruntukan dimansuhkan.</p> <p>C. Ahli konsultasi mengambil maklum dan bersetuju ke atas draf cadangan semakan Akta Koperasi 1993 dengan beberapa penambahbaikan.</p>
2.	<p><b>Sesi:</b> Konsultasi Semakan Akta Koperasi 1993 Bersama Dengan ANGKASA dan Maktab Koperasi Malaysia</p> <p><b>Tarikh:</b> 8 Mei 2014</p> <p><b>Tempat:</b> Suruhanjaya Koperasi Malaysia</p> <p><b>Ahli Konsultasi:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad</li> <li>2. Maktab Koperasi Malaysia</li> <li>3. Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan Suruhanjaya</li> </ol>	<p>A. Sesi ini diadakan bagi mendapatkan maklum balas daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Maktab Koperasi Malaysia mengenai cadangan semakan Akta Koperasi 1993 dengan hasrat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) Memastikan perundangan yang mengawal selia gerakan koperasi adalah berkualiti;</li> <li>(ii) Melaksanakan fungsi pembangunan koperasi dan gerakan koperasi secara lebih sistematik;</li> <li>(iii) Mempermudahkan operasi perniagaan dan aktiviti koperasi;</li> <li>(iv) Mengemaskini dan memperjelaskan peruntukan perundangan</li> </ol>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
	Koperasi Malaysia	<p>sedia ada; dan</p> <p>(v) Menggalakkan koperasi mengamalkan self-regulatory.</p> <p>B. Ahli konsultasi diberi penerangan mengenai setiap peruntukan yang dicadang dipinda, peruntukan baharu dan peruntukan dimansuhkan.</p> <p>C. Di akhir sesi, ahli konsultasi boleh mengemukakan cadangan balas kepada Suruhanjaya bagi menambahbaik cadangan semakan Akta Koperasi 1993.</p> <p>D. Secara dasarnya, ahli konsultasi mengambil maklum dan bersetuju ke atas cadangan semakan Akta Koperasi 1993 dengan membuat beberapa penambahbaikan seperti berikut:</p> <p>(i) Mewujudkan tafsiran kawasan operasi, agensi pelaporan kredit sebagaimana seksyen 85A, gerakan koperasi, koperasi puncak fungsi dan aktiviti berjadual;</p> <p>(ii) Mewujudkan peruntukan khas mengenai koperasi puncak;</p> <p>(iii) Mengkaji semula peruntukan mengenai fi tahunan, fi pemprosesan, penyelarasan hukuman dan penalti, anggota bersekutu;</p> <p>(iv) Memansuhkan kehendak mendapatkan kelulusan Suruhanjaya bagi penubuhan subsidiari, pembukaan cawangan, pinjaman daripada bukan anggota dan pelaburan; dan</p> <p>(v) Meminda tafsiran pegawai dengan mengeluarkan peruntukan</p>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>“pekerja” kerana pekerja hanya melaksanakan arahan pihak atasan dan tidak wajar terikat kepada penalti di bawah Akta Koperasi 1993.</p>
3.	<p><b>Sesi:</b> Konsultasi Semakan Akta Koperasi 1993 Bersama Pengurusan Tertinggi Suruhanjaya Koperasi Malaysia</p> <p><b>Tarikh:</b> 11 hingga 13 Julai 2014</p> <p><b>Tempat:</b> Hotel Seri Pacific</p> <p><b>Ahli Konsultasi:</b> Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia</p>	<p>A. Sesi ini diadakan bagi memperkemas dan menambahbaik polisi semakan Akta Koperasi 1993 di samping mendapatkan persetujuan Pengurusan Tertinggi Suruhanjaya sebelum dibentangkan kepada cadangan tersebut dibentangkan kepada gerakan koperasi.</p> <p>B. Sesi ini juga melibatkan Jabatan Insolvensi Malaysia bagi berkongsi maklumat mengenai hal-ehwal kebangkrapan selaras dengan Akta Kebankrapan 1967.</p> <p>C. Ahli konsultasi mengambil maklum dan bersetuju ke atas draf cadangan semakan Akta Koperasi 1993.</p>
4.	<p><b>Sesi:</b> Majlis Konsultasi Kajian Semula Akta Koperasi 1993</p> <p><b>Tarikh:</b> 2 Oktober 2014</p> <p><b>Tempat:</b> Hotel Sri Pacific, Kuala Lumpur</p> <p><b>Ahli Konsultasi:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad</li> <li>2. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad</li> <li>3. Koperasi Co-opbank Persatuan Berhad</li> <li>4. Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad</li> </ol>	<p>A. Akta Koperasi 1993 dikaji semula bertujuan untuk memperkukuh dan memperkemas perundangan koperasi sedia ada supaya pelaksanaan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih efektif selaras dengan perkembangan semasa pembangunan ekonomi Negara</p> <p>B. Kajian semula Akta Koperasi ini telah mengambil kira perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) keperluan bagi menjelaskan kehendak polisi dan diselaraskan dengan perubahan industri;</li> </ol>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
	5. Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad 6. Koperasi Koswip Malaysia Berhad 7. Koperasi Serbausaha Makmur Berhad 8. Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad 9. Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad 10. Koperasi KOPERKASA Sarawak Berhad 11. Koperasi Guru-Guru Melayu Besut Berhad 12. Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad 13. Koperasi Kakitangan Sawit Kinabalu Sabah Berhad 14. Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad 15. Koperasi Pegawai – Pegawai Kesedar Berhad 16. Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat Berhad 17. Koperasi Perwaja Kemaman Berhad 18. Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad 19. Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad 20. Koperasi Kakitangan Petronas Berhad 21. Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Malaysia Berhad 22. Maktab Koperasi Malaysia 23. Pengarah Bahagian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan 24. Pegawai Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia	(ii) mewujudkan perundangan sendiri (self-regulatory) di sektor koperasi bagi memastikan koperasi kekal bersaing dengan sektor lain seiring arus transformasi; (iii) menyelaraskan peruntukan mengenai kerahsiaan dan pendedahan yang dibenarkan; (iv) menyelaraskan jenis-jenis hukuman ke atas ketidakpatuhan; (v) memastikan penguatkuasaan dijalankan secara efektif ke atas ketidakpatuhan; (vi) memperjelaskan kedudukan koperasi yang mengamalkan prinsip Syariah sepenuhnya atau koperasi yang menawarkan produk secara Islam dan Konvensional (Islamic windows); dan (vii) menetapkan kehendak Syariah yang merangkumi pematuhan Syariah, tadbir urus Syariah dan audit ke atas pematuhan Syariah. C. Berdasarkan sesi konsultasi yang telah dijalankan, terdapat beberapa pandangan utama yang dibangkitkan oleh gerakan koperasi yang pada pandangan Suruhanjaya perlu diwujudkan seiring dengan perkembangan semasa.  Pandangan gerakan koperasi dan pendirian Suruhanjaya adalah seperti berikut: <b>(a) Pengenaan fi</b> <b>Koperasi:</b> Fi yang dikenakan ke atas koperasi dikhuatiri menyebabkan peningkatan kos operasi dan membebankan



BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>koperasi. Selain itu, ia dianggap hanya untuk menambahkan hasil pendapatan Suruhanjaya.</p> <p><b>Suruhanjaya</b> berpendirian bahawa fi yang dikenakan ke atas koperasi telah sedia ada dalam Peraturan-Peraturan Koperasi (Fi) 2010 dan dinaik taraf punca kuasanya ke dalam Akta 502 ini. Dalam masa yang sama, ia juga mampu meningkatkan kecekapan Suruhanjaya dalam memastikan gerakan koperasi dibangunkan secara sistematik dan tersusun. Penerimaan fi adalah selaras dengan peruntukan perenggan 34(1)(b) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 yang menyatakan fi adalah salah satu sumber wang bagi kumpulan wang operasi.</p> <p><b>(b) Perundangan sendiri</b></p> <p><b>Koperasi:</b> Gerakan koperasi mencadangkan supaya koperasi bergerak secara autonomi, memadai dengan mendapatkan kelulusan di peringkat dalaman (hanya mesyuarat agung) dalam hal perjalanan operasinya.</p> <p><b>Suruhanjaya</b> mengekalkan pandangan bahawa tahap kesedaran pematuhan perundangan koperasi masih rendah berbanding dengan koperasi di luar negara seperti Singapura, Australia, India, Filipina dan Indonesia. Penemuan daripada Pemeriksaan Usaha Wajar (DDE) yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya menunjukkan sebahagian besar koperasi masih lemah dari aspek pematuhan perundangan. Justeru, koperasi di Malaysia belum</p>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>mencapai tahap untuk mengamalkan perundangan sendiri.</p> <p>(c) <b>Kuasa Menteri melantik anggota Lembaga koperasi</b></p> <p><b>Koperasi:</b> Pelantikan anggota Lembaga oleh Menteri bercanggah dengan prinsip koperasi iaitu kawalan demokratik oleh anggota dan autonomi serta kebebasan.</p> <p><b>Suruhanjaya</b> mengekalkan cadangan peruntukan ini yang hanya terpakai kepada koperasi ditetapkan melalui suatu perintah yang diwartakan. Ini bagi memastikan anggota Lembaga yang berkecuali (independent) dan kompeten dilantik bagi menjaga kepentingan koperasi itu dan negara. Walaupun dilantik oleh Menteri, anggota Lembaga itu masih dilantik sewajarnya di mesyuarat agung.</p> <p>(d) Kajian semula kadar penalti dan tempoh pemenjaraan</p> <p><b>Koperasi:</b> Tidak setuju dengan cadangan ini kerana pindaan kadar penalti dan tempoh pemenjaraan adalah tidak proportionate dengan kadar asal. Alasan diberi berdasarkan kepada perbandingan dengan Akta Syarikat 1965.</p> <p><b>Suruhanjaya</b> berpendapat bahawa pindaan terhadap penalti bertujuan untuk menyelaraskan kadar dan tempoh penjara bagi semua peruntukan yang berkaitan. Kajian semula juga dibuat sebagai langkah pencegahan (deterrent) dan bagi memastikan tiada arbitraj regulatori bagi mengekalkan kestabilan dan keseimbangan kewangan sektor koperasi.</p>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>Perbandingan kadar penalti ini dengan kadar di bawah Akta Syarikat 1965 adalah tidak wajar kerana Suruhanjaya bertanggungjawab memastikan kepentingan anggota koperasi yang ramai terpelihara (anggota merupakan pemegang syer koperasi) berbanding dengan syarikat yang mempunyai sebilangan pemegang saham sahaja.</p> <p>(e) Penetapan tempoh masa permohonan kelulusan</p> <p><b>Koperasi:</b> Mencadangkan supaya tempoh masa terhadap sesuatu permohonan kelulusan ditetapkan di dalam Akta 502 supaya tidak menjejaskan operasi koperasi.</p> <p><b>Suruhanjaya</b> berpendirian bahawa tidak wajar untuk memasukkan tempoh masa terhadap sesuatu kelulusan permohonan di dalam Akta 502 kerana ia adalah suatu perkara operational dan hanya dinyatakan dalam standard operating procedures (SOP).</p> <p>(f) Perkara-perkara lain yang dicadangkan</p> <p><b>Koperasi:</b> Mencadangkan supaya perkara baharu dimasukkan dalam Akta 502 seperti berikut:</p> <p>(i) Koperasi puncak</p> <p>ANGKASA menghendaki supaya satu koperasi puncak diisytiharkan oleh Menteri sebagai badan yang mewakili koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa oleh Menteri dan menikmati segala keistimewaan, antaranya,</p>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>mendapatkan sejumlah wang daripada kumpulan wang amanah dan mempunyai fungsi melaksanakan pembangunan gerakan koperasi.</p> <p><b>Suruhanjaya</b> berpendapat bahawa Menteri mempunyai kuasa untuk mengisytihar mana-mana koperasi menengah atau atasan lain sebagai badan yang mewakili koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berperanan menurut perenggan 57(2)(b) Akta 502.</p> <p>(ii) Pengawalseliaan khusus mengikut fungsi dan aktiviti koperasi</p> <p><b>ANGKASA</b> mencadangkan supaya koperasi dikawalselia secara khusus mengikut fungsi serta aktiviti yang dijalankannya.</p> <p><b>Suruhanjaya</b> berpendapat bahawa cadangan ini adalah tidak relevan kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• semua koperasi boleh terlibat dengan pelbagai aktiviti dan tiada koperasi yang terkecuali daripada mana-mana peruntukan Akta 502, tanpa mengira fungsi, aktiviti maupun saiznya;</li> <li>• pengawalseliaan koperasi oleh Suruhanjaya adalah merupakan tindakan pentadbiran dan memadai pengawalseliaannya dimaktubkan dalam garis panduan sahaja; dan</li> <li>• menghadkan skop aktiviti dan perniagaan sesuatu koperasi akan menjejaskan pencapaian matlamat</li> </ul>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		DKN 2011 – 2020.
5.	<p><b>Sesi:</b> Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan Bil. 2/2015.</p> <p><b>Tarikh:</b> 23 November 2015</p> <p><b>Tempat:</b> Mahkota Ballroom, Hotel Istana, Kuala Lumpur</p> <p><b>Ahli Konsultasi:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri KPDNKK;</li> <li>2. Exco-Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas koperasi;</li> <li>3. Wakil Agensi Kerajaan;</li> <li>4. Wakil Maktab Koperasi Malaysia;</li> <li>5. Wakil Bank Kerjasama Rakyat Malaysia;</li> <li>6. Wakil Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad;</li> <li>7. Wakil Akademik;</li> <li>8. Wakil Sektor Swasta; dan</li> <li>9. Wakil Koperasi yang dilantik oleh Menteri.</li> </ol>	<p>A. Inisiatif Suruhanjaya untuk menyemak keseluruhan peruntukan Akta Koperasi 1993 dengan mengambil kira Kajian Semula Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011 – 2020 serta perkembangan persekitaran koperasi dalam dan luar Negara.</p> <p>B. Penambahbaikan kepada peruntukan sedia ada serta pengenalan peruntukan baharu dilaksanakan berasaskan kepada <b>justifikasi</b> berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) <b>memperkuh dan memperkemaskan</b> perundangan koperasi sedia ada;</li> <li>(ii) mengadakan <b>persekitaran yang kondusif</b> bagi koperasi menjalankan aktiviti perniagaannya;</li> <li>(iii) memastikan perundangan koperasi <b>sentiasa kekal relevan</b> dengan kehendak semasa;</li> <li>(iv) memenuhi keperluan bagi menjelaskan <b>kehendak polisi Kerajaan</b> dan diselaraskan dengan perubahan industri;</li> <li>(v) mewujudkan <b>kawal selia sendiri (self-regulatory)</b> di sektor koperasi bagi memastikan koperasi kekal berdaya saing dengan sektor lain dan arus transformasi; dan</li> <li>(vi) memastikan <b>penguatkuasaan</b> dapat dijalankan dengan lebih efektif.</li> </ol>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>C. Antara tumpuan utama dalam penyemakan semula Akta termasuklah konsep perundangan sendiri (<i>self regulating</i>), mewujudkan peruntukan mengenai setiausaha koperasi yang profesional, memperjelaskan peruntukan Syariah dan menyelaraskan jenis hukuman ke atas ketidakpatuhan perundangan koperasi.</p> <p>D. Sesi konsultasi ini mengambil maklum dan bersetuju supaya satu kajian perlu dibuat yang merangkumi cadangan mengklasifikasikan koperasi kepada beberapa tier berdasarkan kriteria dan skop yang akan ditetapkan. Penyemakan Akta Koperasi 1993 juga akan dibuat melalui program engagement dengan pihak berkepentingan bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas yang meliputi semua aspek dan keperluan persekitaran perniagaan semasa.</p>
6.	<p><b>Sesi:</b> Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 6/2015</p> <p><b>Tarikh:</b> 24 November 2015</p> <p><b>Tempat:</b> Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia</p>	<p>Sesi ini bersetuju dan meluluskan cadangan Kajian Semula Akta Koperasi 1993.</p>
7.	<p><b>Sesi:</b> Konsultasi Semakan Akta Koperasi 1993 Di Peringkat Negeri</p> <p><b>Tarikh:</b> Februari hingga Mac 2016</p>	<p>A. Semakan Akta Koperasi 1993 dilaksanakan dengan justifikasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Memperkukuh dan memperkemaskan perundangan koperasi sedia ada;</li> <li>(ii) Mengadakan persekitaran yang kondusif bagi koperasi</li> </ul>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
	<p><b>Peserta Konsultasi:</b> 220 koperasi di seluruh Negeri</p>	<p>menjalankan aktiviti perniagaannya;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(iii) Memastikan perundangan koperasi sentiasa kekal relevan dengan kehendak semasa;</li> <li>(iv) Memenuhi keperluan bagi menjelaskan kehendak polisi kerajaan dan diselaraskan dengan perubahan industri;</li> <li>(v) Mewujudkan pematuhan sendiri (self-compliance) di sektor koperasi bagi memastikan koperasi kekal berdaya saing dengan sektor lain dan arus transformasi; dan</li> <li>(vi) Memastikan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih efektif.</li> </ul> <p>B. Skop cadangan semakan Akta Koperasi 1993 adalah merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pembaharuan pendaftaran koperasi;</li> <li>(ii) Pengurangan bilangan minimum anggota koperasi;</li> <li>(iii) <i>Self-regulated</i> kepada koperasi tertentu terhadap pematuhan kepada beberapa peruntukan Akta 502;</li> <li>(iv) Mewujudkan peruntukan pelantikan setiausaha koperasi;</li> <li>(v) Mewujudkan peruntukan mengenai <i>co-operative subsidiary</i>;</li> <li>(vi) Mewujudkan peruntukan bagi menyenarai hitam anggota Lembaga yang melakukan kesalahan yang boleh memudaratkan koperasi;</li> <li>(vii) Mengadakan peruntukan mengenai pemfailan dokumen secara elektronik;</li> <li>(viii) Menetapkan bilangan minimum keanggotaan koperasi;</li> </ul>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<ul style="list-style-type: none"> <li>(ix) Menyelaraskan peruntukan kerahsiaan dan pendedahan yang dibenarkan;</li> <li>(x) Memperjelaskan kedudukan koperasi yang mengamalkan prinsip Syariah; dan</li> <li>(xi) Menyelaraskan jenis-jenis hukuman ke atas ketidakpatuhan.</li> </ul> <p>C. Peserta konsultasi bersetuju dengan cadangan semakan Akta Koperasi 1993 dengan mengambil kira elemen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Sekatan had umur anggota Lembaga kepada 65 tahun bagi memberi peluang kepada pelapis baharu menerajui koperasi;</li> <li>(ii) Mengurangkan had umur menjadi anggota bagi koperasi keluarga kepada 15 tahun dengan hasrat memberi pendedahan kepada generasi baharu mengenai koperasi dan meningkatkan keanggotaan koperasi keluarga;</li> <li>(iii) Bilangan maksimum anggota Lembaga kepada sembilan (9) orang dan penetapan komposisi bilangan Lembaga adalah berdasarkan jadual yang ditetapkan oleh Suruhanjaya;</li> <li>(iv) Membolehkan anggota bagi koperasi institusi pendidikan yang menjadi anggota kurang daripada dua (2) tahun dilantik sebagai anggota Lembaga sebagai langkah pendedahan kepada semua pelajar mengenai koperasi;</li> <li>(v) Mengeluarkan peruntukan bagi penangguhan mesyuarat agung;</li> <li>(vi) Membenarkan anggota memegang lebih daripada satu pertiga modal syer mana-mana koperasi;</li> </ul>



BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1173 268 2056 411">(vii) Menetapkan modal syer minimum bagi setiap anggota sebanyak RM500.00 supaya koperasi dapat menyediakan satu jumlah modal kerja yang munasabah untuk menjalankan aktiviti perniagaan;</li> <li data-bbox="1173 437 2056 580">(viii) Mengeluarkan kehendak koperasi untuk mendapatkan kelulusan Suruhanjaya bagi menubuhkan subsidiari, membuka cawangan, mendapatkan pembiayaan daripada bukan anggota dan membuat pelaburan.</li> <li data-bbox="1173 606 2056 676">(ix) Mewujudkan Majlis Penasihat Syariah yang dianggotai oleh SKM, MKM, ANGKASA dan koperasi;</li> <li data-bbox="1173 702 2056 772">(x) Membolehkan tuntutan hutang dirujuk terus kepada Mahkamah tanpa merujuk kepada Tribunal SKM</li> <li data-bbox="1173 798 2056 829">(xi) Mewujudkan koperasi APEX mengikut sektor;</li> <li data-bbox="1173 855 2056 999">(xii) Menetapkan supaya koperasi APEX yang akan mewakili gerakan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa hendaklah koperasi yang majoriti dianggotai oleh koperasi dewasa;</li> <li data-bbox="1173 1024 2056 1168">(xiii) Memudahkan proses penggabungan koperasi iaitu hanya perlu mendapatkan persetujuan daripada mesyuarat agung tahunan sahaja dan persetujuan daripada 1/5 anggota sahaja;</li> <li data-bbox="1173 1193 2056 1337">(xiv) Menghadkan tempoh masa pemegangan seseorang anggota sebagai anggota Lembaga bagi memberi peluang kepada anggota lain terutama golongan lebih muda untuk menerajui koperasi;</li> </ul>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>(xv) Memansuhkan hukuman penjara kerana ia bukan kesalahan jenayah dan bagi menggalakan masyarakat menubuhkan koperasi;</p> <p>(xvi) Mewujudkan peruntukan bagi membolehkan bukan warganegara menjadi anggota;</p> <p>(xvii) Memansuhkan jumlah maksimum Jawatankuasa Audit Dalaman bagi meningkatkan kualiti pengauditan ke atas koperasi;</p> <p>(xviii) Menetapkan umur minimum anggota koperasi sekolah adalah sepuluh tahun bagi membuka ruang kepada pelajar sekolah rendah untuk menjadi anggota koperasi;</p> <p>(xix) Mewujudkan peruntukan khas bagi membolehkan koperasi mendapatkan lesen perumahan dan ar-rahnu bagi pelaksanaan aktiviti secara lebih mudah;</p> <p>(xx) Pembatalan pendaftaran koperasi dengan sendirinya sekiranya koperasi tidak mempunyai modal saham dan aktiviti dalam tempoh setahun selepas didaftarkan</p> <p>(xxi) Mewujudkan peruntukan untuk mengawal ejen koperasi dengan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya atau ejen berdaftar;</p> <p>(xxii) Meningkatkan hukuman denda kepada RM10 juta dan penjara 10 tahun;</p> <p>(xxiii) Pemberian taraf "Koperasi Bumiputera" kepada koperasi yang layak dan dinyatakan secara jelas di dalam sijil pendaftaran koperasi;</p>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>(xxiv) Pra-pendaftaran koperasi dan kewajipan koperasi untuk menyediakan kertas kerja di peringkat pra-pendaftaran;</p> <p>(xxv) Meminda seksyen 14 Akta Koperasi 1993 dengan melanjutkan tempoh penghantaran senarai anggota Lembaga kepada 30 hari selaras dengan penghantaran minit mesyuarat agung tahunan;</p> <p>(xxvi) Mewujudkan peruntukan bagi membolehkan wang yang tidak dituntut oleh anggota mati dipulangkan kepada koperasi sebagai modal;</p> <p>(xxvii) Mewujudkan kutipan yuran tahunan daripada anggota bagi meningkatkan komitmen anggota kepada koperasi; dan</p> <p>A. Meningkatkan had umur menjadi anggota daripada 18 tahun kepada 21 tahun.</p>
8.	<p><b>Sesi:</b> Konsultasi Semakan Akta Koperasi 1993 Bersama Pengarah-Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia</p> <p><b>Tarikh:</b> 6 – 8 Oktober 2016</p> <p><b>Tempat:</b> Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur</p> <p><b>Peserta:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurusan Tertinggi Suruhanjaya</li> <li>2. Pengarah-Pengarah Suruhanjaya Cawangan Negeri</li> </ol>	<p>Sesi ini bersetuju dengan cadangan semakan Akta Koperasi 1993 dengan mengambil kira pandangan dan input tambahan.</p>
9.	<p><b>Sesi:</b> Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan Bil. 2/2016.</p> <p><b>Tarikh:</b> 6 Disember 2016</p> <p><b>Tempat:</b> Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur</p>	<p>A. Semakan Akta 502 dibuat berdasarkan tema <i>To Ensure Supportive Legal Framework For Co-operative Growth</i> yang terkandung di dalam <i>Blueprint For Co-operative Decade</i> dan mengambil kira peranan koperasi dari aspek:</p>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
	<p><b>Ahli Mesyuarat:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri KPDNKK;</li> <li>2. Exco-Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas koperasi;</li> <li>3. Wakil Agensi Kerajaan;</li> <li>4. Wakil Maktab Koperasi Malaysia;</li> <li>5. Wakil Bank Kerjasama Rakyat Malaysia;</li> <li>6. Wakil Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad;</li> <li>7. Wakil Akademik;</li> <li>8. Wakil Sektor Swasta; dan</li> <li>9. Wakil Koperasi yang dilantik oleh Menteri.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>(i) Penciptaan kekayaan (<i>wealth creation</i>);</li> <li>(ii) Kemudahan bagi menjalankan aktiviti ekonomi (<i>ease of doing business</i>); dan</li> <li>(iii) Keterangkuman (<i>inclusiveness</i>) dalam menangani kos sara hidup anggota, tanpa menjejaskan prinsip dan nilai koperasi.</li> </ol> <p>B. Semakan dijalankan bertujuan untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) Menzahirkan koperasi yang tulen, berkualiti dan <i>vibrant</i>;</li> <li>(ii) Menggalakkan koperasi mengamalkan pematuhan perundangan sendiri (<i>self-compliance, self-regulation and self-reliance</i>); dan</li> <li>(iii) Membolehkan pengawalseliaan dan pemantauan ke atas koperasi dilaksanakan secara lebih berkesan.</li> </ol> <p>C. Beberapa polisi baharu dicadang dimasukkan ke dalam kerangka perundangan koperasi iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) Pengurangan bilangan minimum anggota kepada 20 orang untuk mendaftarkan koperasi bagi memastikan elemen keperluan bersama (<i>common needs</i>) dipenuhi;</li> <li>(ii) Pendaftaran dan nama koperasi mengikut peneraju sektor yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dengan keperluan modal minimum koperasi,</li> <li>(iii) Pembubaran koperasi secara automatik sekiranya tidak aktif dan dorman selepas tempoh dua (2) tahun daripada</li> </ol>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>tarikh pendaftaran;</p> <p>(iv) Pewujudan sebuah badan bebas yang berperanan sebagai penyelaras kepada semua koperasi;</p> <p>(v) Pewujudan Badan Pengawasan Koperasi untuk memastikan amalan tadbir urus baik dalam koperasi;</p> <p>(vi) Perkhidmatan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB);</p> <p>(vii) Pelaksanaan konsep <i>tiering</i>;</p> <p>(viii) Tempoh pemegangan jawatan Lembaga dihadkan kepada enam (6) tahun berturut-turut;</p> <p>(ix) Tindakan pentadbiran atas kesalahan ketat (<i>strict liability</i>);</p> <p>(x) Tindakan sivil melalui penambahbaikan terhadap Tribunal Koperasi; dan</p> <p>(xi) Tindakan ke atas hukuman jenayah dikekalkan yang melibatkan orang awam.</p> <p>D. Sesi konsultasi ini bersetuju dengan cadangan Semakan Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang dibuat secara menyeluruh dengan mengambilkira perkara berikut:</p> <p>(i) Cadangan tempoh pemegangan jawatan Lembaga oleh seseorang anggota yang dihadkan kepada enam (6) tahun berturut-turut perlu dikaji semula;</p> <p>(ii) Akta 502 hendaklah dibentang dalam Parlimen pada bulan Jun 2017; dan</p>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		(iii) Penekanan ke atas pengelasan koperasi mengikut <i>tier</i> bagi pengawal seliaan ( <i>self-compliance, self-regulation</i> dan <i>self-reliance</i> ) serta pembangunan koperasi yang menyeluruh.
10.	<p><b>Sesi:</b> Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPDNKK Bil 16/2017.</p> <p><b>Tarikh:</b> 24 April 2017</p> <p><b>Tempat:</b> KPDNKK</p>	<p><b>Sesi ini bersetuju mengenai cadangan semakan semula Akta Koperasi 1993</b></p>
11.	<p><b>Sesi:</b> Pembentangan Khas kepada YB Menteri KPDNKK</p> <p><b>Tarikh:</b> 11 April 2017</p> <p><b>Tempat:</b> Pejabat Menteri KPDNKK</p> <p><b>Ahli Konsultasi:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri KPDNKK;</li> <li>2. YB Timbalan Menteri KPDNKK;</li> <li>3. Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri);</li> <li>4. Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan);</li> <li>5. Pengurusan Tertinggi SKM; dan</li> </ol>	<p>A. Cadangan semakan Akta Koperasi 1993 disediakan oleh Suruhanjaya seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Semakan Akta 502 dibuat berdasarkan kepada tiga polisi utama iaitu: <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) Memastikan koperasi adalah tulen, berkualiti &amp; vibrant;</li> <li>(ii) Menerapkan amalan pematuhan sendiri; dan</li> <li>(iii) Meningkatkan keberkesanan pengawalan dan pengawalseliaan</li> </ol> </li> <li>(b) Antara skop baharu yang diberi penekanan dalam semakan Akta 502 termasuklah: <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) Mempermudahkan pendaftaran koperasi;</li> <li>(ii) Mewujudkan peruntukan mengenai pembaharuan pendaftaran koperasi bagi memastikan koperasi kekal berdaya saing dan berdaya maju;</li> </ol> </li> </ol>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
	<p>6. Bahagian Undang-Undang dan Bahagian Pembangunan Koperasi KPDKKK.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(iii) Memperkukuhkan koperasi melalui penggabungan;</li> <li>(iv) Memperkasakan fungsi dan peranan Jawatankuasa Audit Dalaman;</li> <li>(v) Mengadakan peruntukan keperluan menghadiri kursus bagi anggota Lembaga meningkatkan kompetensi;</li> <li>(vi) Liberalisasi perundangan dan peraturan;</li> <li>(vii) Mewujudkan peruntukan mengenai konsep tiering bagi maksud penyeliaan dan pematuhan perundangan koperasi;</li> <li>(viii) Mengadakan peruntukan bagi Setiausaha Koperasi Berlesen bagi membantu dalam pengurusan koperasi; dan</li> <li>(ix) Mengadakan peruntukan mengenai keperluan untuk pemfailan dokumen secara elektronik.</li> <li>(x) Mewujudkan peruntukan mengenai kerahsiaan dan pendedahan yang dibenarkan untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sektor koperasi;</li> <li>(xi) Memperkukuh dan memantapkan pengamalan prinsip Syariah dalam koperasi;</li> <li>(xii) Mewujudkan peruntukan bagi menyiarkan maklumat mana-mana anggota yang melakukan kesalahan yang boleh memudaratkan koperasi; dan</li> <li>(xiii) Memperkenalkan tindakan pentadbiran terhadap koperasi atau pegawai koperasi yang melakukan kesalahan.</li> </ul>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>B. Sesi konsultasi ini bersetuju dengan cadangan Akta Koperasi 1993 dengan mengambil kira perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) menggunakan istilah yang lebih umum dan tidak merujuk kepada mana-mana agensi kerajaan secara khusus;</li> <li>(ii) membuat jadual berdasarkan kepada bilangan anggota bagi menentukan bilangan anggota Lembaga dalam sesuatu koperasi;</li> <li>(iii) mengkaji semula senarai tatacara perlakuan perniagaan yang dilarang bagi memasukkan peruntukan mengenai mana-mana orang yang menjalankan urusan bagi pihak koperasi;</li> <li>(iv) peruntukan undang-undang bertulis lain semasa koperasi menjalankan mana-mana aktiviti perniagaan.</li> </ul>
12.	<p><b>Sesi:</b> Majlis Konsultasi Semakan Akta Koperasi 1993</p> <p><b>Tarikh:</b> 24 Januari 2017</p> <p><b>Tempat:</b> Sasana Kijang, BNM</p> <p><b>Ahli Konsultasi:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)</li> <li>2. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad</li> <li>3. Koperasi NLFCS Berhad</li> <li>4. Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad</li> </ol>	<p>A. Bagi memastikan perundangan koperasi sentiasa kekal relevan dengan kehendak semasa dan seiring dengan program transformasi Kerajaan ke arah mewujudkan negara maju dan berpendapatan tinggi, perundangan koperasi disemak semula untuk mencapai hasrat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Menzahirkan koperasi yang tulen, berkualiti dan <i>vibrant</i>;</li> <li>(ii) Mewujudkan pematuhan sendiri (<i>self-regulatory</i>) di sektor koperasi; dan</li> <li>(iii) Memastikan pengawalseliaan dijalankan dengan lebih efektif.</li> </ul> <p>B. Semakan perundangan koperasi ini juga mengambil kira:</p>



BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
	5. Koperasi Serbausaha Makmur Berhad 6. Koperasi Kakitangan Petronas Berhad 7. Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad 8. Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad 9. Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad 10. Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad 11. Koperasi Tenaga Nasional Berhad 12. Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad 13. Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad 14. Koperasi Orang Melayu Kerajaan (SKOMK) Perak Berhad 15. Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad 16. Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad 17. Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad 18. Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad 19. Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad 20. Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad 21. Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad 22. Koperasi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan Berhad 23. Koperasi Kospeta Malaysia Berhad 24. Koperasi Permodalan Kelantan Berhad	(i) Visi dan Misi Suruhanjaya; (ii) Kajian Semula Dasar Koperasi Negara 2011-2020; (iii) <i>Blueprint</i> sektor peneraju yang telah disediakan; dan (iv) Falsafah, prinsip serta amalan terbaik koperasi sejagat.  C. Tujuan utama Akta Koperasi 1993 dikaji semula adalah untuk memperkukuh serta memperkemaskan perundangan koperasi yang sedia ada supaya pelaksanaan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih efektif selaras dengan perkembangan semasa pembangunan ekonomi Negara.  D. Antara skop baharu yang diberi penekanan dalam semakan perundangan koperasi termasuklah: (i) Memperkemas dan mempermudah kaedah pendaftaran dan pembatalan koperasi; (ii) Mengadakan peruntukan bagi Setiausaha Koperasi Berlesen; (iii) Mewujudkan peruntukan mengenai konsep <i>tiering</i> bagi maksud penyeliaan dan pematuhan perundangan koperasi; dan (iv) Memperkenalkan tindakan pentadbiran terhadap koperasi atau anggota Lembaga yang melakukan kesalahan nyata.  E. Antara maklum balas yang diterima hasil daripada sesi <i>engagement</i> yang diadakan termasuklah mengenai perkara berikut:

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
	25. Koperasi Kredit Dan Pelaburan Kakitangan Bank Negara Malaysia Berhad 26. Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad 27. Koperasi Pegawai-Pegawai MARDI Berhad [KOMARDI] 28. Koperasi YaPEIM Berhad 29. Koperasi Pegawai Kerajaan Daerah Johor Bahru Berhad 30. Koperasi Kariah Masjid Al Falah USJ 9 Selangor Berhad 31. Koperasi Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad 32. Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad 33. Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad 34. Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad 35. Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad 36. Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah Berhad 37. Koperasi Kakitangan Kerajaan Terengganu (KOKITAB) Berhad 38. Koperasi Iskandar Malaysia Berhad 39. Koperasi Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Berhad 40. Maktab Kerjasama Malaysia 41. Pengarah Bahagian KPDKK	(i) Pelaksanaan <i>tiering</i> bagi tujuan meliberalisasi perundangan; (ii) Penggunaan perkhidmatan Setiausaha Koperasi Berlesen; (iii) Pengurangan bilangan anggota bagi tujuan pendaftaran koperasi; (iv) Pewujudan peruntukan mengenai kerahsiaan dan pendedahan yang dibenarkan; (v) Pengemaskinian peruntukan mengenai kehendak Syariah; (vi) Perlindungan pengguna dan pelakuan perniagaan dilarang; (vii) Pewujudan peruntukan mengenai badan yang mewakili gerakan koperasi; (viii) Pewujudan Lembaga Pengawasan dalam koperasi; (ix) Pemansuhan proses penubuhan koperasi; (x) Rujukan bagi semua pertikaian kepada Tribunal koperasi; dan (xi) Penyelarasan kadar penalti dan tempoh pemenjaraan bagi kesalahan di bawah Akta 502.  F. Pada dasarnya, gerakan koperasi bersetuju dengan perkara E(i) hingga E(vi). Walau bagaimanapun, gerakan koperasi mencadangkan Suruhanjaya untuk mengkaji semula perkara E(vii) hingga E(xi).

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
	42. Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia	<p>G. Suruhanjaya telah mengkaji dan memutuskan perkara E(vii) hingga E(xi) yang dibangkitkan oleh gerakan koperasi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Badan yang diisytiharkan oleh Menteri hendaklah dalam kalangan koperasi dan bukan entiti bukan koperasi;</li> <li>(ii) Tiada keperluan untuk mewujudkan Lembaga Pengawasan dalam koperasi tetapi peranan dan fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman diperkasakan;</li> <li>(iii) Proses penubuhan koperasi diteruskan bagi memastikan koperasi yang didaftarkan adalah berkualiti;</li> <li>(iv) Saluran bagi rujukan pertikaian dikekalkan seperti sedia ada; dan</li> <li>(v) Hukuman denda dan tempoh pemenjaraan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dikekalkan.</li> </ul>
13.	<p>Program <i>engagement</i> bersama Bank Negara Malaysia</p> <p>Tarikh: 17 Mei 2017, 8 Jun 2017 dan 21 Disember 2017.</p>	BNM bersetuju dengan cadangan pindaan Akta Koperasi 1993 dengan beberapa penambahbaikan.
14.	<p>Program <i>engagement</i> bersama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia</p> <p>Tarikh: 14 Julai 2015 dan 21 Disember 2017</p>	<p><b>Suruhanjaya Sekuriti:</b> Secara dasarnya bersetuju dengan polisi Suruhanjaya mengenai penerbitan debentur. Walau bagaimanapun, pindaan perlu dibuat yang merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Tafsiran debentur yang merujuk kepada takrif di dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA) adalah tidak teratur dari segi undang-undang. Ini kerana definisi “debenture” di dalam CMSA hendaklah dibaca bersama definisi</li> </ul>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
		<p>“corporation” didalam CMSA. Definisi “corporation” di bawah CMSA secara jelas mengecualikan koperasi yang berdaftar di bawah suatu undang-undang berkaitan koperasi. Justeru, pandangan pihak AGC diperlukan bagi memastikan takrif “debenture” di dalam RUU adalah teratur daripada segi undang-undang.</p> <p>(ii) Koperasi boleh menerbitkan debentur kepada anggotanya tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, SC tidak bersetuju atas cadangan Suruhanjaya yang memperuntukkan kelulusan SC bagi terbitan debentur oleh sesuatu koperasi kepada bukan anggota. Terbitan sesuatu debentur oleh sesuatu koperasi adalah tidak tertakluk kepada kelulusan SC di bawah CMSA.</p> <p>(iii) SC mencadangkan peruntukan dipinda iaitu koperasi boleh menerbitkan debentur kepada anggotanya dan koperasi.</p>
15.	<p>Program <i>engagement</i> bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri</p> <p>Tarikh: 30 September 2015, 16 Disember 2015 dan 7 Disember 2017</p>	<p>Bersetuju mengenai peruntukan pencukaaian sebagaimana dicadangkan.</p>
16.	<p>Program <i>engagement</i> bersama Perbadanan Insurans Deposit Malaysia</p> <p>Tarikh: 3 November 2015</p>	<p>PIDM bersetuju mengenai peruntukan pendedahan maklumat kredit yang dibenarkan.</p>
17.	<p>Program <i>engagement</i> bersama Jabatan Perlindungan Data Peribadi</p> <p>Tarikh: 6 Ogos 2015 dan 15 Januari 2018</p>	<p>Jabatan Perlindungan Data Perlindungan Data Peribadi bersetuju mengenai peruntukan kerahsiaan dan pendedahan maklumat yang dibenarkan.</p>

BIL	KONSULTASI	RUMUSAN KONSULTASI
18.	Program <i>engagement</i> bersama Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Tarikh: 30 Julai 2015	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bersetuju mengenai peruntukan pendedahan maklumat harta pusaka bagi pelanggan yang mati
19.	Program <i>engagement</i> bersama Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit Tarikh: 1 September 2015	Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit bersetuju mengenai peruntukan pendedahan maklumat yang dibenarkan
20.	Program <i>engagement</i> bersama Suruhanjaya Persaingan Malaysia Tarikh: Jun 2017	Suruhanjaya Persaingan Malaysia bersetuju mengenai peruntukan perniagaan yang dilarang.